

الطريق **Al-Tariq**

PETUNJUK JALAN KEBENARAN ● BIL.27/JUMADA AL-ULA 1445H/NOV

Fokus

**SEJARAH ILMU TASAUF
DAN KEDUDUKAN TARIQAH
SUFİ DALAM ISLAM :
SIRI 1**

Kolumnis

**HIKMAH
AMALAN
BERSULUK**

Fatwa

**SUMPAHAN
KE ATAS KAUM
YAHUDI**

*Muslimah dan
Keluarga*

MENUKAR **BENCI**
MENJADI
SAYANG

Intisari Majalah الطريق Al-Tariq

MS
01



PERUTUSAN MUFTI

MS
02



TINTA PENASIHAT

MS
03



DARI MEJA PENGARANG

MS
04



SEJARAH ILMU TASAUF
DAN KEDUDUKAN TARIQAH
SUCI DALAM ISLAM : SIRI 1

MS
11



HIKMAH AMALAN
BERSULUK (SIRI 2)

MS
18



SUMPAPAN KE
ATAS KAUM
YAHUDI

MS
20



"Mencari Benci
Menjadi Sayang"

MS
24



TAFSIR SURAH AR-RAHMAN
AYAT 31-36

MS
26



PERINGATAN TENTANG
UMUR INSAN

MS
28



ALLAHYARHAM SYEIKH HAJI
MUHAMMAD SAID BIN HAJI
MUHAMMAD JAMALUDDIN

MS
33



AL-IHSAN

MS
37



PENGARUH TARIQAT
TASAUWUF

MS
40



SILSILAH DAN
KEPENTINGANNYA DALAM
ILMU TARIQAT



Sidang Pengarang **Al-Tariq**

PENAUNG

YB Sahib al-Samahah
Prof. Madya Dr. Faudzinain bin Hj. Badaruddin
Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus

PENASIHAT

Sahib al-Fadhilah
Tuan Amran bin Awaludin
Timbalan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

Syaiful Nizam Md. Jan

PEN. KETUA PENGARANG

Nur Syazwani Mohd Nooh

SIDANG PENGARANG

Prof. Madya Dr. Faudzinain Hj Badarudin
Prof. Madya Dr. Abdul Manam Mohamad
Dr. Haji Jahid Sidek al-Khalidi
Dr. Shuhadak Mahmud
Dr. Muhammad Firdaus Abdul Manaf

Ustaz Syaiful Nizam Md. Jan
Ustaz Solahuddin Abd Rahman
Ustazah Razidah Adam
Prof. Madya Dr Muhammad Khairi Mahyuddin

REKA BENTUK

Nine Over Ten Dot Biz

KEWANGAN & PEMASARAN

En. Mohd Hanif Mat Arif

Alamat surat menyurat;
Sidang Pengarang Majalah al-Tariq
Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan
Aras 15, Menara MAINS
Jalan Taman Bunga, 70100 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-7652426, Fax: 06-7652427



Perutusan Mufti



الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Bersyukur ke hadrat Ilahi, Majalah al-Tariq ini dapat diterbitkan bagi keluaran 1445H/2023. Majalah ini menyajikan pembaca dengan info dan ilmu tariqat tasawwuf serta ilmu Islam yang lain untuk meningkat modal insan sesuai dengan masa kini.

Kejituan ilmu sangat penting pada setiap individu. Dengan ilmu, seseorang itu dapat menapis dan membezakan di antara salah dan betul. Inilah penyelamat diri seseorang itu daripada tergelincir kepada zon ragu-ragu seterusnya terjebak dengan penyelewengan. Menurut Imam al-Ghazali:

"Ilmu yang sebenarnya ialah tersingkapnya sesuatu yang jelas, sehingga tidak ada lagi ruang untuk ragu-ragu, tidak mungkin salah atau keliru; tidak ada tempat di hatinya untuk itu."

Di harap dengan adanya bahan bacaan seperti ini dapat dijadikan rujukan dan panduan masyarakat Islam di Negeri Sembilan khasnya dan Malaysia amnya.

Akhir kata, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sehingga diterbitkan majalah ini.

PROF. MADYA DR. FAUDZINAIM BIN HJ. BADARUDDIN

Mufti Kerajaan Negeri

Negeri Sembilan Darul Khusus



Tinta Penasihat



Bersyukur ke hadrat yang Maha Esa dengan ketentuanNya sekali lagi dapat diterbitkan suatu majalah ilmu khusus berkaitan tariqat dan tasauwuf. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga baginda, para sahabat, para tabi'in yang menjadi wasilah ilmu dan sunnah baginda SAW.

Tidak terhingga terima kasih kepada semua panel penulis yang telah melengkapkan majalah ini dengan penulisan-penulisan yang sangat bermanfaat dan dapat memberi kefahaman kepada masyarakat Islam di Negeri Sembilan khususnya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Barangsiapa yang hendak menginginkan dunia, maka hendaklah dia menguasai ilmu. Barangsiapa menginginkan akhirat hendaklah dia menguasai ilmu, dan barangsiapa yang menginginkan keduanya (dunia dan akhirat) hendaklah dia menguasai ilmu" (HR Ahmad).

Saya berharap kita semua dapat beramal segala ibadah dan amalan berdasarkan ilmu, bukan sekadar ikut-ikutan yang akhirnya membawa kita kepada kesesatan. Nauzubillah min zalik.

S.F USTAZ HAJI AMRAN BIN AWALUDIN

Timbalan Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Dari Meja Pengarang



الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufiq dan inayah-Nya, penerbitan Majalah al-Tariq dapat diteruskan bagi Bil.27/Jumada al-Ula 1445H.

Penyebaran ilmu melalui penulisan sangat memberi kesan kepada seseorang individu. Hal ini kerana apabila seseorang itu memiliki bahan bacaan, maka dia boleh membaca dan merujuknya berulang kali. Atas dasar itulah, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan terus mengekalkan inisiatif menerbitkan majalah ini. Di dalam majalah ini dimuatkan pelbagai genre ilmu Islam sama ada ilmu syariat dan tasauwuf. Ini bertepatan dengan rukun agama yang mencakupi Islam, Iman dan Ihsan. Sehubungan dengan itu, menjadi kewajipan bagi setiap muslim mengetahuinya bagi melengkapkan diri agar menjadi muslim yang sejati.

Diharap dengan adanya bahan bacaan seperti ini dapat membuka minda dan menambah modal insan masyarakat Islam di Negeri Sembilan khususnya dan Malaysia amnya.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sehingga diterbitkan majalah ini.

USTAZ SYAIFUL NIZAM BIN MD JAN

Penolong Mufti Bahagian Tariqat Tasauwuf

SEJARAH ILMU TASAUWUF DAN KEDUDUKAN TARIQAH SUFI DALAM ISLAM : SIRI 1

Oleh

Prof Madya Dr Muhammad Khairi Mahyuddin
Pensyarah Da'wah & Pengursuan Islam, USIM &
Panel Pakar Tasawuf JAKIM
muhdkhairi@usim.edu.my

FOKUS

PENDAHULUAN

Ilmu tasawuf merupakan suatu ilmu yang sering menjadi perbincangan yang panjang samaada ada dari segi terminologi dan maknanya. Makna dan penghayatan tasawuf dilihat dengan pelbagai kacamata. Terdapat pandangan negatif bahawa tasawuf adalah ilmu bukan berasal dari ajaran Islam. Ia diveduk daripada ajaran agama lain seperti Kristian, Buddha, Hindu dan falsafah. Malah lebih teruk lagi, tasawuf dikaitkan dengan ilmu kebatinan tanpa syariat dan ajaran sesat. Ada yang melihat tasawuf sebuah ilmu yang terpisah dari perbincangan ilmu-ilmu Islam lain seperti tauhid dan feqah. Pencerahan pandangan mengenai tasawuf perlu diperbetulkan dengan perspektif sebenar yang berpaksi huraian mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah.

Dari segi sejarah, perkataan tasawuf mempunyai asal usul dan merupakan satu ilmu yang berasal dari ajaran Islam seperti pakaian suf (pakaian bulu), sofa, ahli suffah dan lain-lain. Terdapat pelbagai takrifan tasawuf yang diberikan oleh para ulama berdasarkan pengalaman dan natijah amalan keruhanian

mereka. Namun begitu, kebanyakan ulama menerima perkataan tasawuf sebagai ilmu yang benar dalam Islam bagi menghuraikan makna Ihsan daripada hadith Jibrail yang berkaitan perbincangan hal hati yang merupakan tempat letaknya tauhid, penerimaan amalan disisi Allah dan punca timbul sifat mahmudah.


Meskipun terminologi tasawuf tidak disebut dalam al-Quran tetapi dari segi kandungan amalannya dan sifat-sifatnya memang wujud dalam al-Quran dan al-Sunnah seperti taubah, ikhlas, benar, sabar dan lain lain, manakala orang yang beramal secara zahir dan batin dengan sifat-sifat mahmudah dinamakan al-tawwabin, al-mukhlisin, al-sadiqin, al-sabirin dan lain-lain. Bahkan Ibn Taimiyyah menghubungkan orang sufi sebagai kategori golongan orang-orang yang benar (*fi al haqiqah naw' min al-siddiqin*).

Al-Sarraj, Abdullah bin Ali menyebut bahawa golongan tasawuf termasuk dalam golongan yang berilmu (*ulu al-ilmu qaiman bi al-qist*) dan pewaris para Nabi AS. Golongan sufi

berpegang teguh dengan al-Quran dan Sunnah Nabi SAW, para sahabat dan tabi'in. Golongan sufi sepakat dengan akidah dan segala ilmu serta huraian makna daripada golongan muhaddithin dan fuqaha selagi menjauhi bidaah dan hawa nafsu dan berpegang teguh dengan ikutan yang hasanah. Jika berlaku perselisihan pendapat dikalangan muhaddithin dan fuqaha dalam sesuatu hukum syarak, maka golongan sufi suka mengambil pendapat yang lebih baik, utama dan lebih sempurna kerana pendekatan berhati hati (ihtiyat) dalam perkara agama dan memuliakan perintah Allah. Selain itu, semua ilmu ada hadnya, dan semua ilmu akhirnya membawa kepada ilmu tasawuf juga. Ilmu tasawuf tiada had tertentu kerana ilmu ini berkaitan dengan perberian dan kurnian Ilahi, al-Sarraj menyatakan "*Sair al-ulum laha had mahdud wa jami' al-ulum yuaddi ila 'ilmi al-tasawuf wa 'ilmu al-tasawuf la yuaddi illa naw' min 'ilmu al-tasawuf wa laysa lahu nihayah lianna al-maqsud laysa lahu nihayah wahuwa ilmu al-futuh yaftahu Allah Ta'ala 'ala qulub awliyaihi fi fahma kalamihi wa mustanbitati khitabihi ma sha'a kayfa sha'a*" (al-Sarraj 2001).

Kedudukan ilmu tasawuf dan perbahasannya adalah luas sehinggalah kebanyakan ulama menghuraikan kandungannya dengan istilah-istilah lain berdasarkan pelbagai sudut pandangan dan konteks perbincangan seperti *ilm al-haqiqah*, *ilm al-suluk*, *ilm al-qalb* ilmu batin, *ilm al-dhawq*, *ilm al-ladunni*, *ilm al-kashaf*, *ilm al-ma'rifat*, *ilm al-mukashafah*, *ilm al-asrar*, *ilm al-maknun* dan lain-lain lagi.

Diantara kitab-kitab yang membicarakan ilmu tasawuf Islam seperti *al-ri'ayah fi huquq Allah* oleh Abu Abdullah Harith bin Asad al-Basri (w 857), *Qut al-qulub fi mu'amalat al-mahbub wa wasf tariq al-murid ila maqam al-tauhid* oleh Abu Talib al-Makki, Muhammad ibn 'Ali (w 996), *al-Luma' fi al-tasawuf* oleh Abu Nasr Abdullah bin Ali al-Tusi (w988), *Risalah Al-Qushayriyyah* oleh Abd al-Karim ibn Huzan Abu al-Qāsim al-Qushayri al-Naysaburi (w 1072), *Ihya culum al-din* oleh Abu Hamid Muhammad b Muhammad al-Ghazzali (w1111), *Futuh al-Makkiyyah fi ma'rifah al-*



Malikiyyah wa al-Malikiyyah oleh Abu 'Abd Allah Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad ibn 'Arabī al-Ḥatimi al-Ta'ī (w1240), *Majmu' al-fatawa* oleh Taqi ad-Din Ahmad ibn Taymiyyah (w 1328), *Madarij al-salikin* oleh Shams al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Abi Bakr ibn Ayyub al-Zur'ī I-Dimashqi I-Hanbalī (w1350).

Menurut Shaykh Islam negeri Kedah, Wan Sulaiman Wan Sidik (w.1935M) ilmu tasawuf mempunyai kaitan rapat dan tujuan sama dengan ilmu *tauhid* dan *feqah*. Ilmu tauhid dikenali dengan ilmu ma'rifah iaitu mengenal Allah dengan jalan idrak dalam hati kepada kewujudan Allah Yang Esa, tiada sesuatu yang seumpama denganNya dan sentiasa menghadirkan hati ingat kepadaNya. Ilmu feqah pula ialah menerima dan melaksanakan segala hukum hakam dan ibadah kepada Allah dengan hati yang selalu hadir kepada kepadaNya. Begitu juga ilmu tasawuf, satu ilmu membicara cara menyucikan hati dari sifat mazmumah dan menghiasai dengan sifat mahmudah dengan sentiasa melazimkan hati mengadap Allah tanpa lalai kepadaNya. Manakala tariqah sufiyyah pula ialah ilmu dan amal di bawah bimbingan guru melalui menjalani



tarbiyyah, mujadah dan riyadah shariah Islam untuk mendapatkan nisbah hudur kepada Allah dan berakhlak mulia (Wan Sulaiman 1335).

Secara mudah dirumuskan bahawa ilmu tauhid, ilmu feqh, ilmu tasauwuf dan tariqah sufiyyah dari segi kandungan amalan adalah satu dan merupakan syariat Islam. Istilah-istilah yang dibina hannya sebagai wasilah untuk menghuraikan intipati ajaran Islam dari umum (*ijmal*) kepada detail (*tafsil*) bagi memudahkan umat Islam memahaminya dengan jalan yang komprehensif. Kesepaduan ilmu tauhid, feqah, tasauwuf dan tariqah sufiyyah sebagai ilmu dan amal yang bersepadu dan tidak terpisah telah dibuktikan oleh Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazalli dalam *Ihya Ulum al-Din*, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad ibn 'Arabī al-Ḥatimi al-Ta'ī (w1240) dalam *Futuh al-Makiyyah fi ma'rifah al-malikiyyah wa al-Malakiyyah* dan Abd al-Wahab al-Sha'rani (w1566) dalam *al-Yawaqit wa al-Jawahir fi bayan Aqa'id al-Akabar* dan *al-Mizan al-Kubra*.

Manhaj Sufi dalam memahami kandungan ajaran Islam pula diterima sebagai manhaj muktabar dalam Ahli Sunnah wa al-Jamaah seperti yang diperakui oleh Abd al-Wahhab bin Ali al-Subki (d.771H/1370M). Beliau juga mengiktiraf manhaj Sufi dalam akidah sebagai manhaj Ahli Sunnah wa al-Jamaah dalam Islam melalui pengaplikasian aqal, wahyu dan kashaf dalam memahami dan memperkukuhkan akidah (al-Zubaydi t.t).

Meskipun begitu terdapat perbincangan mengenai hubungan dan kedudukan tasauwuf dengan tariqah sufi. Pertama sebahagian ulama mengatakan bahawa istilah tasauwuf dan tariqah adalah sinonim dan identikal. Manakala pendapat kedua mengatakan terdapat perbezaan antara istilah tasauwuf dan tariqah terutama dari sudut perbincangan ilmu. Sebahagian ulama berpendapat berdasarkan perkembangan dari semasa ke semasa ilmu tasauwuf bahawa istilah tasauwuf masih dalam peringkat martabat ilmu, manakala tariqah sufi adalah martabat aplikasi dan cara pengamalan dan penghayatan secara zahir dan batin berpaksikan tauhid, bersendikan syariat dan sunnah Nabi SAW di bawah bimbingan guru.

Perkataan tariqah diambil daripada kalimah Arab 'taraqa'. Secara literalnya, menunjukkan makna yang luas seperti jalan, cara, metod, sistem, aliran, haluan, tempat lalu, ketua kaum mulia, goresan, garis, hal, perjalanan taifah sufiyyah, tingkatan, tradisi, kebiasaan (al-Mu'jam al-Wasit t.t). Secara umumnya walaupun terdapat pelbagai makna tariqah tetapi apabila ia dikaitkan dengan ilmu tasauwuf, ia membawa makna yang lebih khusus iaitu pengamalan dan jalan rohani yang memerlukan kepimpinan shaykh murshid, mujadah dan riyadah yang bersungguh sungguh. Ia merupakan medium untuk merealisasikan pengertian dan matlamat dalam akidah, feqah dan tasauwuf.

Terdapat beberapa definisi telah diberikan oleh para ulama tasauwuf terhadap makna tariqah:



1 Ali ibn Mohammad al-Jurjani (w1414) tariqah ialah perjalanan khusus bagi orang-orang yang menuju kepada Allah dengan mengharungi pelbagai rintangan dan peningkatan rohani dalam pelbagai maqam (al-Jurjani 1985);

2 Muhammad Amin al-Kurdi (w1923), tariqah ialah pengamalan yang selari dengan syariat, berpegang dengan azimah dan menjauhi sifat mengambil mudah (*tasahul*) dalam beramal seperti menjauhi segala perkara yang dilarang secara zahir dan batin, menjunjung segala perintah dengan kemampuan yang ada atau menjauhi perkara yang diharam dan dibenci, berlebihan dalam perkara mubah (harus), menunaikan segala kewajipan dan sunat-sunat dengan segala kemampuan di bawah bimbingan seorang Arif yang telah mencapai peringkat rohani yang tinggi (al-Kurdi 1984) ;

3 Abdul Wahab al-Sharani mendefinisikan tariqah sebagai jalan untuk beramal dengan kandungan syariat. Ia adalah intipati tersembunyi dalam syariat seumpama pati dalam susu. (al-Sha'rani t.t) ;

4 Shaikh Islam Negeri Kedah Wan Sulaiman Wan Sidek (w1935), mendefinisikan tariqah sebagai pengamalan dan ibadah yang selari dengan syariah yang suci dan mengerjakan riyadah, mujahadah dengan menyalahi hawa nafsu, bersungguh-sungguh dengan mengerjakan amalan yang susah seumpama zikir dan lainnya sehingga terhasil hudur hati yang berkekalan menghadap kehadiran Dhat Allah yang Esa yang tiada seumpama bagi dhatnya dengan jalan idrak, dhawq dan wujudan. (Wan Sulaiman 1352H) ;

5 Imran Abu Amar mendefinisikan tariqah ialah jalan atau petunjuk dalam melaksanakan sesuatu ibadah sesuai dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan yang dicontohi baginda serta dikerjakan oleh para sahabatnya, tabi'in, tabi tabi'in dan tersusun turun temurun sampai kepada guru-guru, ulama-ulama secara bersambung dan berantai sehingga pada masa kita ini (Aba Imran 1980).

Berdasarkan beberapa makna tariqah dari segi bahasa dan istilahnya, maka dapat disimpulkan dalam konteks sekarang bahawa

tariqah sufi boleh didefinisikan secara spesifik iaitu jalan pengamalan dan pengibadatan secara khusus yang mempunyai kaifiyyat-kaifiyyat, adab-adab, rukun-rukun dan syarat-syarat tertentu secara tersusun digali dari sumber al-Quran dan al-Sunnah, yang dibimbing oleh shaykh, murabbi, murshid yang bersambung salur galur silsilah perguruannya sampai kepada Rasulullah SAW kerana ia melibatkan penyucian hati, pengalaman, rintangan, peningkatan dan limpahan rohani bagi menyempurnakan segala titah perintah agama Islam secara menyeluruh zahir dan batin untuk mencapai rasa sebenar perhambaan diri kepada Allah dengan hati yang sentiasa hadir berkekalan ingat kepadaNya dan menjadi sebenar-benar khalifahNya.

Untuk mengetahui kewujudan amalan tariqah sehingga terbentuknya institusi tariqah secara formal, sejarah tariqah boleh dibahagikan kepada tiga peringkat:

Peringkat pertama

Pra sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW seperti taubah, berzikir **La ila illah**, berkhulwah, muraqabah, harap, takut, bermunajat, zuhud, merendah diri, membaca kitab-kitab Allah secara tadabbur dan lain-lain lagi yang telah lakukan oleh para Nabi dahulu,

مِنْ حَدِيثِ جَابِرٍ مَرْفُوعًا أَفْضَلُ الذِّكْرِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَأَفْضَلُ مَا قُلْتُ أَنَا وَالنَّبِيُّونَ مِنْ قَبْلِي لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.
أَخْرَجَ التِّرْمِذِيُّ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ

Daripada hadith Jabir, " Seafdal zikir ialah *la ila illa Allah* dan dan seafdal apa yang aku katakan dan para Nabi sebelumku katakan ialah kalimah *la ila illa Allah*. (Riwayat al-Tirmidzi, al Nasai IbnHibban dan al-Hakim).

عن أبي سعيد الخدري عن رسول الله ﷺ قال: قال

موسى: يا رب علمني شيئاً أذكرك وأدعوك به. قال:
قل يا موسى: لا إله إلا الله، رواه ابن حبان والحاكم
وصححه.

Daripada Abi Said al-Khudri daripada Rasulullah SAW bersabda: Nabi Musa AS berkata, Wahai Tuhaikan jarilah aku amalan yang aku ingatMu dan berdoa kepadaMu dengannya. Maka Allah berfirman. Sebutlah Wahai Musa, *La ilaha Illah Allah* . (Riwayat Ibn Hibban dan al hakim).

Peringkat kedua

Di zaman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat RA. Amalan tariqah diteruskan oleh Nabi sendiri dengan berkhulwah di gua Hira untuk berzikir dan muraqabah. Walaupun telah terdapat istilah ahl al-suffah disebut di zaman Nabi sebagai golongan ahli ibadah, tetapi mereka lebih dikenali dengan istilah sahabat. Keistimewaan mereka ialah mereka dapat melihat dan melazimi Baginda SAW dengan hati yang bersih dalam beribadah dan mencontohi Baginda SAW dalam segenap aspek kehidupan mereka.

Amalan zikir mula diajar oleh Nabi SAW kepada para sahabat seperti yang dilakukan oleh Saidina Abu Bakr al-Siddiq 'Abdallah bin Abi





Quhafah (w 634) dan Saidina Ali bin Abi Talib (w 661). Kedua-dua tokoh sahabat tersebut merupakan sumber aliran sanad tariqah yang diambil dan ditalqin oleh Rasulullah SAW. Contohnya Rasulullah SAW telah mentalqinkan Abu Bakar al-Siddiq berzikir *Ism Allah* dengan secara sirr di dalam hati sehinggalah kalimah Allah sentiasa berdetik di dalam hati mengikut pergerakan peredaran nafas atau terhentinya nafas seperti yang telah diamalkan oleh tariqat Naqshabandi. Begitu juga dengan Saidina Ali bin Abi Talib telah mentalqinkan Hasan al-Basri dan tokoh-tokoh selepasnya seperti Habib ibn Muhammad al-'Ajami al-Basri (w 772), Abu Sulaiman Dawud ibn Nasir al-Ta'I (w. 781), dan Abu Mahfuz Ma'ruf Ibn Firuz al-Karkhi (w815) (Qaylubi 2002; al-Sha'rani t.t).

Peringkat ketiga

Zaman selepas kewafatan Baginda SAW. Pada zaman sahabat dan tabiin di kurun kedua hijrah, aktiviti penyampaian secara lisan dan perbuatan adalah tradisi asal pembelajaran dalam Islam. Ia dilakukan supaya amalan tariqah dapat difahami dengan lebih jelas dan terperinci serta sebarang kesulitan dapat dirungkaikan. Kaedah tersebut penting kerana ia dapat memantapkan kefahaman dan menjalinkan hubungan kerohanian serta mendapat curahan limpahan berkat dari para guru kepada murid.

Di akhir kurun ke 3 hijrah/11 masihi, amalan-amalan tariqah telah mula dirintis oleh beberapa tokoh ulama dan disusun menjadi menjadi satu sistem atau aliran pengamalan dan latihan rohani seperti Al-Muhasibiyyah dinisbahkan kepada Abu Abdullah al-Harith bin Asad al-Muhasibi, al-Tayfuriyyah dinisbahkan kepada Abu Yazid Tayfur bin Isa al-Bistami dan lain-lain (Jahid Sidek. 1997).

Pengertian tariqah dan amalannya mula diperhalusi oleh para ulama Islam dari zaman ke zaman. Walau bagaimanapun istilah tariqah juga telah wujud di zaman Baginda SAW dan para sahabat RA tetapi membawa pelbagai pengertian yang luas sama ada secara hakiki atau kiasan (majazi) yang sesuai dengan kontek dan ibarat yang digunakan untuk menunjukkan makna yang tertentu. Justeru itu, telah menjadi sunatullah melalui perubahan masa, zaman, pemikiran, pengalaman dan keperluan, para ulama yang terdiri daripada para tabiin dan tabi' al-tabiin dan golongan ulama selepas mereka telah mula mengumpul amalan-amalan tariqah secara tersusun, dihuraikan dan diperhalusi dengan baik dalam dokumentasi kitab-kitab.

Pada kurun ke 5 dan selepasnya, aliran-aliran tariqah telah tumbuh dan diperkembangkan lagi menjadi sebuah institusi rohani yang tersusun dan sistematik dengan pelbagai nisbah berdasarkan nama dan pengalaman rohani ulama yang menyusunnya dengan gaya pelaksanaannya berbeza-beza tetapi mempunyai matlamat yang sama seperti tariqah Qadariyyah, Shaziliyyah, Naqshabandiyyah dan lain-lain. Ibn TaImiyyah juga mengikut jalan kesufian berdasarkan jalan yang dibawa oleh Shaykh Abdul Qadir al-Jilani melalui pemakaian khirqah dan pemikiran tasauwuf Shaykh Abdul Qadir al-Jilani dan wirid-wirid yang diamalkannya. Ibn Taimiyyah menyebut "*Qad kuntu labistu khirqah al-tasauwuf min tarf jama'ah min al-shuyukh min jumlahtihim al-Shaykh Abdul Qadir al-Jilani wahiya ajallu al-turuq al-mashurah. Waqala al-marrah Ajallu al-turuq tariq Sayyidi al-Shaykh Abdul Qadir al-Jilani rahmatullah 'alayh*" (Yusuf 2002).

Tidak syak lagi, jika dihalusi fakta dalam al-Quran dan al-Hadis serta sejarah tokoh-tokoh Islam mengenai kesahihan amalan tariqah, maka didapati kesemua amalan tersebut disauk dari kedua-dua sumber tersebut. Bukan direka atau sengaja diada-adakan oleh para ulama tariqah. Penolakan terhadap istilah tariqah tidak mengapa tetapi pengingkaran terhadap amalan-amalan tariqah yang telah pasti, sabit dan sahih dari sumber al-Quran dan al-Sunnah adalah sangat merbahaya kerana ia boleh merosakkan iman tanpa disedari. Hal ini telah disebut oleh Shaikh Abdul Wahab al-Sharani bahawa pengingkaran amalan Sufi yang benar bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah boleh merosakkan iman (Abdul Samad t.t). Kajian mendalam dan penelitian yang halus mestilah dilakukan sebelum mempertikai kandungan amalan tariqah itu sendiri. Hal ini turut diperkuatkan lagi dengan kenyataan oleh Abd al-Wahhab bin Ali al-Subki (w.771H/1370M) bahawa manhaj sufi dalam memahami kandungan ajaran Islam diterima sebagai manhaj muktabar dalam Ahli Sunnah wa al-Jamaah.


Walaupun amalan-amalan tariqah telah sempurna di zaman Baginda SAW dan para

sahabat RA sama ada yang bersifat khusus atau umum tetapi kebanyakannya masih bersifat umum dan mempunyai makna yang luas. Di sebalik fenomena tersebut mempunyai hikmah yang tersirat dan rahmat kepada generasi umat Islam yang berikutnya sebagai keluasan beramal dalam tariqah menuju kepada Allah yang bernadikan syariat dan berpaksikan ketauhidan kepada Allah kerana keadaan mereka yang mempunyai tahap keupayaan, persediaan, bakat dan hal ehwal yang berbeza-beza dari segi aspek rohani, mental dan fizikal.

Nabi SAW bersabda :

إِنْ شَرِيعَتِي جَاءَتْ عَلَى ثَلَاثِمِائَةٍ وَسِتِينَ طَرِيقَةً مَا سَلَكَ
أَحَدٌ مِنْهَا طَرِيقَةً إِلَّا نَجَا

Sesungguhnya syariatku datang dengan tiga ratus enam puluh jalan. Barangsiapa yang mengikuti salah satu daripadanya, maka dia memperoleh kejayaan (Riwayat al-Tabrani).



HIKMAH AMALAN BERSULUK

Siri Kedua KEDUDUKAN & KEPENTINGAN SULUK

Disediakan Oleh:

TUAN GURU DR HJ JAHID BIN HJ SIDEK AL-KHALIDI

- AHLI PANEL PAKAR TASAWUF, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
- AHLI JILSAH TURUQ SUFIYAH, JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

KEDUDUKAN DAN KEPENTINGAN UZLAH DAN KHALWAH DALAM ISLAM

Allah telah mensyariatkan amalan uzlah dan khalwah serentak dengan kebangkitan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi dan rasulNya. Malahan, memang telah termaklum bahawa menjelang usia Baginda menghampiri 40 tahun, Allah jadikan hatinya sangat gemar beruzlah dan khalwah di dalam gua Hira' yang terletak di atas Jabal Nur, sehingga Jibril AS datang menemuinya kali pertama untuk menyampaikan dan mengajarkan perintah Allah yang terkandung dalam lima ayat dari surah al-'Alaq iaitu ayat 1 hingga 5.

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ
مِنْ عَلَقٍ ② أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَّمَ
بِالْقَلَمِ ④ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤

Dari fakta yang telah dijelaskan di atas mengenai amalan uzlah dan khalwah, sebagaimana yang telah dilakukan oleh ashabul-kahfi, nabi Musa AS, Rasulullah SAW dan golongan ulul albab, dapat kita simpulkan bahawa amalan uzlah dan khalwah memang disyariatkan di dalam Islam dengan dalil-

dalil ayat al-Quran dan sunnah yang begitu jelas; diiringi pula dengan contoh amalan tersebut yang dilakukan dua orang nabi dan rasul (nabi Musa AS dan Rasulullah SAW), begitu juga oleh dua golongan yang dicintai dan sangat hampir kepada Allah iaitu ashabulkahfi dan ulul-albab.

Para ulama tasawuf yang mengamalkan uzlah dan khalwah adalah didasari sumber al-Quran dan sunnah seperti yang telah diperjelaskan di atas; hanya dari aspek kaedah melakukannya, syarat-syarat, pelbagai peraturan, bagaimana dan bila masa permulaan suluk, penutup atau khatam suluk, pelbagai adab, pelbagai doa dan sebagainya saja yang melibatkan ijtihad mereka.

Bila kita telah yakin bahawa amalan uzlah dan khalwah tersebut telah disyariatkan oleh Allah dalam Islam, maka timbullah persoalan hukum melakukannya. Apakah hukum mengamalkannya ke atas seseorang mukallaf? ; adakah wajib atau sunat?

Dilihat dari sudut sejarahnya, ternyata hanya sebahagian sahabat sahaja yang melakukannya ; mereka yang berjaya melakukannya digelar dengan gelaran ulul-albab sebagaimana yang telah diceritakan di atas.

Oleh yang demikian maka dapat disimpulkan bahawa hukum mengamalkannya adalah sunat, tidak wajib. Bagaimanapun, bila seseorang mukmin ingin mencapai ciri-ciri sifat terbaik seperti ciri-ciri sifat golongan ulul-albab hingga sampai darjat ihsan, maka Allah telah sediakan jalannya; laluilah uzlah dan khalwah. Bagi seseorang yang ingin sampai ke tingkatan ihsan, maka wajiblah ia beruzlah dan khalwah.

Imam asy-Syafi'i (w.204 H.) yang pernah mengamalkan uzlah dan khalwah telah meninggalkan wasiat yang sangat berharga dengan ungkapan katanya:

من أراد أن يفتح الله قلبه ويرزقه العلم فعليه بالخلوة
وتقليل الأكل وتجنب السفهاء وبعض العلماء الذين
ليس لهم إنصاف ولا أدب

Maksudnya: "*Sesiapa yang ingin Allah bukakan (hijab) hatinya dan melimpahkan ilmu (ma'rifah ke ruang hatinya), maka wajiblah ia berkhalwah, mengurangkan makan, menjauhkan diri dari orang-orang yang bodoh dan sebahagian ulama yang mengikutkan nafsu serta tidak beradab.*"

Berdasar ungkapan kata Imam asy-Syafi'i di atas dapat kita fahami bahawa hukum mengamalkan uzlah dan khalwah itu wajib bagi sesiapa sahaja yang mahu hatinya dihidupkan, pelbagai hijabnya dikasyafkan oleh Allah hingga berakhir dengan limpahan ma'rifah di ruang hatinya maka wajiblah orang tersebut beruzlah dan khalwah.

Kita dapati Syeikh Yusuf Nassaj at-Tusi, syeikh mursyid Imam al-Ghazali memerintahkan beliau supaya melakukan uzlah dan khalwah ; beliau yang menjadi pengarah madrasah Nizamiyyah di kota Baghdad, mesti meletakkan jawatannya, mesti meninggalkan kota Baghdad, jual semua harta; sebahagian boleh digunakan dan sebahagian yang lain diwakafkan. Di atas arahan gurunya itu beliau beruzlah ke kota Damsyik ; di sana beliau berkhalwah di sebuah bilik di dalam Masjid Umawi. Beliau telah menghabiskan masa

selama 10 tahun di Damsyik.

Sesuai dengan pensyariatan uzlah dan khalwah tersebut maka seluruh umat Islam sepatutnya mempelajari, memahami dan mengamalkannya. Sangat jelas uzlah dan khalwah adalah amalan yang terbaik ibarat permata yang termahal, tetapi sayangnya tidak dipandang dan dihargai oleh majoriti umat Islam.

Jika sekiranya umat Islam mahu menjadi mukmin yang terbaik di sisi Allah hendaklah mereka beramal dengan amalan zikrullah dan tafakkur dalam keadaan uzlah dan khalwah. Mudah-mudahan ramai umat Islam yang akan termasuk dalam golongan ulul-albab.

CIRI-CIRI SIFAT ULUL-ALBAB DALAM AL-QURAN

Masyarakat Islam di Malaysia, pada masa-masa yang terakhir ini nampaknya terdapat satu golongan tertentu yang tertarik hati dengan gelaran ulul-albab. Mereka mendirikan pelbagai jenis sekolah dengan menggunakan jenama ulul-albab, namun sayangnya mereka tidak mengenali siapakah ulul-albab dan apakah ciri-ciri sifat mereka seperti yang diterangkan oleh Allah di dalam al-Quran. Masyarakat juga tidak tahu kedudukan ulul-albab di sisi Allah dan apakah amalan mereka yang khusus.

Pada hemah kita sangat elok dan tepat sekali sekiranya kita sama-sama melihat selayang pandang kedudukan atau darjat mereka yang begitu tinggi di sisi Allah serta sifat-sifat khusus ulul-albab seperti yang Allah terangkan di dalam al-Quran. Antaranya ialah apa yang Allah sebutkan di dalam beberapa ayat yang berikut:

... إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ ۚ الَّذِينَ يُؤْفُونَ

بِعَهْدِ اللَّهِ وَلَا يَنْقُضُونَ الْمِيثَاقَ ۚ وَالَّذِينَ

يَصِلُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ

رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوءَ الْحِسَابِ ﴿٢١﴾ وَالَّذِينَ صَبَرُوا
 ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا
 رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرءُونَ بِالْحَسَنَةِ
 السَّيِّئَةِ أُولَئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٢﴾ جَنَّتٌ عَدْنٍ
 يَدْخُلُونَهَا وَمَن صَلَحَ مِنْ عِبَادِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ
 وَذُرِّيَّتِهِمْ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ
 بَابٍ ﴿٢٣﴾ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى
 الدَّارِ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: "... Hanya sanya golongan ulul-albab sahaja yang mampu melakukan tadhakkur." Mereka itulah orang-orang mukmin yang menyempurnakan janji Allah dan tidak pernah melanggar janji Allah yang telah diperteguhkan.

Dan mereka itulah juga orang-orang mukmin yang menyambungkan tali persaudaraan seperti yang Allah telah perintahkan.

Mereka itulah juga yang benar-benar takut kepada kebesaran Tuhan mereka (Allah) dan sangat bimbang terhadap buruknya timbangan amal di padang Mahsyar.

Merekalah juga orang-orang yang mampu bersabar semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah. Merekalah orang-orang yang berjaya mendirikan solat dan membelanjakan harta Kami kurniakan kepada mereka dengan cara yang terbaik sama ada mereka membelanjakan secara terang mahupun secara rahsia. Merekalah orang yang mampu membalas kejahatan dengan kebaikan. Bagi mereka di akhirat nanti ada tempat tinggal yang sebaik-baiknya.

(Iaitu) Syurga Adnin yang mereka akan masuk ke dalamnya bersama-sama mereka yang soleh daripada kalangan datuk nenek, para isteri dan

anak cucu mereka; dan para malaikat akan melawat mereka melalui pintu-pintu syurga sambil mengucapkan selamat sejahtera ke atas kamu disebabkan kesabaran kamu hidup di dunia dahulu, itulah sebaik-baik tempat tinggal mereka di akhirat."

(Ayat 24-19 : Surah ar-Ra'd)

Ulul-albab juga diterangkan oleh Allah menjadi hamba Allah yang sebenar bila beramal amalan mereka menjadi amalan yang terbaik. Allah berfirman :

... فَبَشِّرْ عِبَادِ ﴿١٧﴾ الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ
 فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ
 وَأُولَئِكَ هُمْ أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿١٨﴾

Maksudnya: "...Ya Muhammad! Engkau sampaikanlah berita yang benar lagi menggembirakan hati para hambaKu (bahawa Aku akan masukkan mereka ke dalam syurga Adnin) Para hambaku itu ialah mereka yang beriman apabila mendengar ajaran Allah daripada al-Quran lalu mereka memilih dan menurut amalan yang terbaik. Merekalah orang-orang yang sentiasa mendapat hidayah Allah dan mereka itulah golongan ulul-albab (berakal sempurna)."

(Ayat 18-17, Surah az-Zumar)

PELBAGAI TARIQAT TANPA UZLAH DAN KHALWAH

Bilangan turuqus-sufiyyah (pelbagai tariqat yang diijtihadkan dan diajarkan oleh para ulama tasauwuf) memang banyak, berpuluh-puluh tariqat, namun kita dapati hanya satu atau dua tariqat sahaja yang mengamalkan uzlah dan khalwah. Antaranya ialah tariqat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah dan tariqat Shadhiliyyah.

Masyarakat Islam yang bertariqat, terutamanya mereka yang tinggal di Asia Tenggara, bila mendengar kalimah suluk atau amalan bersuluk,

maka mereka akan segera ingat terhadap tariqat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah. Sebab, tariqat tersebut sahaja yang mereka tahu beramal dengan amalan bersuluk atau uzlah dan khalwah.

Bagi mereka yang bertariqat, suluk sangat sinonim dengan tariqat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah. Malahan wujud anggapan mereka yang salah dan bertentangan dengan kebenaran al-Quran dan Sunnah bahawa amalan suluk tersebut adalah merupakan satu aspek kecil ijthadi yang dilakukan oleh sesetengah ulama tariqat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah sahaja.

Realitinya, aspek asas suluk tersebut adalah merupakan perkara qat'ie (قطعي, bukan satu perkara ijthadi). Kita telah pun jelaskan pelbagai fakta yang sangat terang bagaimana amalan suluk atau uzlah dan khalwah itu telah disyariatkan oleh Allah dan menjadi amalan dalam sunnah Nabi SAW. Hanya dari aspek kaedah melakukannya, syarat-syarat, pelbagai peraturan, bagaimana dan bila masa permulaan suluk, penutup atau khatam suluk, pelbagai adab, pelbagai doa dan sebagainya saja yang melibatkan ijthad mereka.

FAKTOR AMALAN UZLAH KHALWAH TERPINGGIR

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan amalan kerohanian yang amat penting ini jadi terpinggir dari masyarakat, khasnya tokoh-tokoh tariqat dan jemaah mereka. Antara faktor yang penting ialah:

1 Masyarakat Islam, bukan hanya golongan awam tetapi termasuklah para ulama, sangat kurang menerima pendedahan ilmu dan kefahaman yang berkaitan secara langsung dengan amalan uzlah dan khalwah tersebut. Keadaan ini menyebabkan mudah timbulnya kekeliruan pandangan mereka mengenai kedudukan amalan uzlah dan khalwah dan pelbagai aspek mengenainya.

Faktor tersebut memang selalu berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam. Banyak pengalaman mengenainya yang pernah dilalui, bukan sahaja oleh orang awam tetapi juga oleh sesetengah ulama. Misalnya, pengalaman yang pernah dilalui oleh pensyarah yang mengajar ilmu tasauwuf bertahun-tahun lamanya, bila dihujani soalan oleh pelajar; Apakah hubungan ilmu tasauwuf dengan tariqat?

2 Wujudnya usaha-usaha dan langkah-langkah yang negatif secara meluas dan bersungguh-sungguh oleh pihak tertentu yang melabelkan amalan uzlah khalwah atau suluk sebagai amalan bertapa; mereka yang terlibat dengan amalan suluk sesat, sebab ketika bersuluk mereka meninggalkan solat Jumaat. Surat pengumuman mengenai ciri ajaran sesat di tampal, digantung di merata tempat. Salah satu ciri pentingnya ialah meninggalkan solat Jumaat semasa bersuluk.

3 Tiada usaha atau langkah memasyarakatkan amalan uzlah dan khalwah secara bersungguh-sungguh dan besar-besaran menerusi seminar seperti ini. Boleh dikatakan usaha sedemikian tidak pernah dilakukan oleh syeikh dan jemaah tariqat Naqsyabandiyyah. Mungkin disebabkan oleh tekanan atau halangan yang timbul dari pelbagai isu dan masalah yang berkaitan dengan disiplin adab tariqat juga. Terutamanya adab yang berkaitan dengan kewajipan menjaga pengalaman rohani yang disebut sebagai al-umurudhdhawqiyyah (المور الذقية).

4 Tiada dalam kalangan para syeikh tariqat-tariqat tanpa amalan uzlah dan khalwah atau suluk, tokoh ilmuan yang mampu dan berani mengorak langkah melakukan ijthad, seperti Syeikh Ahmad Khatib Sambas (w.1289H) yang terkenal yang telah berjaya berbaiah dengan Syeikh

Abu Sa'id al-Ahmadi seorang syekh tariqat Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah. Akhirnya beliau terkenal sebagai syekh mujtahid bagi tariqat Qadiriyyah Naqsyabandiyyah hingga sekarang.

Begitu juga seperti Syekh Nazim al-Khani yang telah berbai'ah dengan seorang syekh tariqat Naqsyabandiyyah Khalidiyah, Syekh Abdullah Dagestani. Nampaknya sejak kewafatan Syekh Ahmad Khatib Sambas dan Syekh Nazim al-Khani, hingga ke hari ini, kita belum lagi temui seorang syekh tariqat yang mampu melakukan ijtihad untuk membuat perubahan dalam amalan tariqatnya.

5 Wujud wasiat syekh yang telah meninggal dunia supaya para muridnya wajib menjaga keutuhan amalan yang telah diajarkan; dilarang keras perbuatan sengaja tokok tambah apa yang diajar dan diamalkan bersama selalu. Setiap seorang individu murid yang berpegang teguh pada disiplin adab, sentiasa waspada terhadap wasiat syekh tersebut. Mereka takut melakukan sesuatu perbuatan atau ucapan yang boleh dianggap melanggar wasiat tersebut. Murid yang melanggar wasiat dibenci oleh seluruh jemaah. Murid ini dianggap gagal dan tidak dapat merentasi destinasi yang ditetapkan. Seorang murid bercakap kepada syekh mursyidnya : "لماذا؟" (Mengapa Tuan suruh saya buat ini?) dianggap tidak berjaya.

6 Majoriti ulama sibuk menghabiskan masa dan tenaga melakukan ijtihad di pelbagai bidang ilmu lain yang dipandang lebih diperlukan oleh masyarakat. Oleh sebab itu amalan uzlah dan khalwah terlepas dari pandangan mereka.

Kita dapati beberapa tokoh ulama tersohor, umpama Imam al-Ghazali (w.505H.) menyedari kedudukan dan kepentingan tasauwuf setelah menjadi ulama terkenal dan bergelar hujjatul-Islam. Beliau akhirnya

beruzlah dan berkhawah di dalam sebuah bilik di Masjid al-Umawi di kota Damsyik selama 10 tahun atas arahan gurunya Syekh Yusuf Nasaj at-Tusi.

7 Mungkin amalan uzlah dan khalwah adalah merupakan amalan yang sangat khusus yang sukar dilakukan, hanya orang-orang tertentu sahaja yang mampu mengamalkannya. Oleh sebab itu kita dapati hanya sebahagian kecil sahabat yang digelarkan oleh Allah SWT dengan gelaran ulul-albab yang telah mengamalkannya seperti yang diterangkan di atas.

8 Biasanya sesuatu yang terbaik diletakkan oleh Allah di satu tingkat yang sangat tinggi sehingga orang ramai tidak mampu melihat dan memikirkannya. Seperti juga permata yang termahal hanya orang tertentu sahaja akan dapat memilikinya. Setengah orang sufi berkata "Janganlah kamu sangka seseorang yang terus beribadat mengerjakan solat tidak berhenti-henti lebih baik daripada seorang yang hanya duduk diam hatinya terus berzikrullah".

Allah SWT berfirman :

...إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ...

Maksudnya : "... Sesungguhnya solat sentiasa mencegah daripada dosa besar dan kemungkaran (dosa-dosa kecil) dan sesungguhnya zikrullah di dalam solat mahupun di luar solat hikmahnya lebih besar..." (ayat 45, Surah al-Ankabut)

Sesetengah solafussoleh menegaskan lebihnya Saidina Abu Bakar RA berbanding dengan sahabat lain bukanlah disebabkan solat dan puasa Saidina Abu Bakar RA banyak daripada sahabat lain, tetapi sebabnya adalah zikrullah yang sudah sebat di dalam hati.



Pelbagai bahan bacaan seperti kitab-kitab dan artikel-artikel yang khusus mengenai amalan uzlah dan khalwah mungkin tidak pernah sampai ke tangan kebanyakan tokoh-tokoh tariqat. Kita merasa hairan kenapa perkara ini berlaku sedangkan kitab-kitab dan artikel-artikel yang berkaitan dengan amalan tersebut telah banyak dikarang oleh para ulama. Imam Ghazali (w.505H) telah pun memuatkan di dalam kitabnya Ihya' Ulumuddin perkara yang berkaitan dengan uzlah dan khalwah tersebut. Selain daripada itu terdapat beberapa buah kitab yang khusus mengenai amalan tersebut seperti :

ابن أبي الدنيا، أبو بكر عبد الله بن محمد بن عبيد (1417هـ-1997م)،
العزلة والإشراق، الرياض: دار الوطن، المحقق: مشهور حسن آل سلمان.
الأندلسي، محي الدين محمد بن علي بن محمد بن عربي (2007م)، الأنوار
فيما يمنح صاحب الخلوة من أسرار، القاهرة: دار الحسين الإسلامية.
الخطابي، الحافظ أبو سليمان حمد بن محمد بن إبراهيم، العزلة، بيروت: دار
الكتب العلمية.

SARANAN

Oleh kerana uzlah dan khalwah telah disyariatkan oleh Allah dan wajib diimani, maka seluruh umat Islam sepatutnya mempelajari dan memahaminya sehingga mereka menerima hidayah yang mendorongkan mereka beramal, khasnya mereka yang telah bertariqat apa-apa juga tariqat tanpa amalan uzlah dan khalwah.

Mereka sepatutnya tidak merasa bimbang atau tercabar bila mendengar seruan agar menambahkan amalan uzlah dan khalwah dalam aspek amalan mereka. Janganlah mereka merasa telah menyanjung setinggi-tingginya tariqat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah, kerana amalan uzlah dan khalwah bukan hak mutlaq tariqat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah, tetapi amalan tersebut adalah amalan yang sangat baik yang memang Allah syariatkan yang sewajarnya kita terima dan amalkan dengan penuh keimanan.

Sepatutnya jemaah mana-mana tariqat tanpa amalan uzlah dan khalwah mencontohi langkah yang telah dilakukan oleh Syeikh Ahmad Khathib Sambas yang berasal dari daerah Sambas Kalimantan Barat (1217-1289H/1802-1871M.) yang telah menggabungkan amalan uzlah dan khalwah atau bersuluk dalam tariqatnya iaitu Qadiriyyah. Sebab itu akhirnya tariqatnya dikenali dengan tariqat Qadiriyyah Naqsyabandiyyah.

Dengan usaha beliau mengamalkan uzlah dan khalwah atau bersuluk tidak sedikit pun mengurangkan kedudukan beliau sebagai syeikh mursyid. Malahan sebaliknya usaha beliau yang menambahkan ketinggian kedudukannya dalam pandangan masyarakat Islam bukan sahaja di Asia Tenggara tetapi termasuklah masyarakat Islam di Timur Tengah.

Beliau terkenal sebagai syeikh mursyid kamil mukammil bagi tariqat Qadiriyyah Naqsyabandiyyah. Pengaruh beliau sangat luas terutamanya di Asia Tenggara hinggalah ke hari ini.

Semuanya itu berlaku disebabkan oleh kesedaran beliau yang sangat mendalam tentang kedudukan uzlah dan khalwah dan kepentingannya dalam perjalanan seseorang salik menuju kepada Allah dan makrifahNya.

Beliau telah mengambil bai'ah dari seorang syeikh tariqat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Mekah lalu menjalani uzlah dan khalwah atau suluk. Syeikh yang membimbingnya dalam amalan uzlah dan khalwah atau bersuluk disebut dalam sejarah atau manaqibnya bernama Syeikh Syamsuddin. Bagaimana pun memandangkan masa hidup beliau (antara 1217 – 1289H) dua orang syeikh yang hidup di zaman itu ialah Syeikh Sulaiman Qurami dan bila beliau meninggal dunia digantikan oleh muridnya Syeikh Sulaiman Zuhdi (w.1270H).

Kesan yang nyata dapat kita saksikan hingga ke hari ini ialah tariqat Qadiriyyah itu disebut

dan terus dikenali sampai sekarang hingga bila-bila masa dengan panggilan tariqat Qadiriyyah Naqsyabandiyyah.

“Sepanjang sejarah perkembangan tariqat Qadiriyyah di dunia Melayu dari dahulu hingga sekarang memang tidak dapat dinafikan bahawa tokoh yang terbesar dan paling berkesan bagi ulama-ulama jawi/nusantara dalam penyebaran tariqat Qadiriyyah itu ialah Syeikh Ahmad Khathib Sambas. Nama beliau juga dikenali di Uzbekistan, kerana salah seorang murid beliau bernama Syeikh Abdul Murad adalah ulama tariqat Naqsyabandiyyah Qadiriyyah yang menerima tawajjuh kedua-dua tariqat itu dari Syeikh Ahmad Khathib Sambas”.

(Wan Mohd Saghir Abdullah. 2004. Ahmad Khathib Sambas – Mursyid Tariqat Qadiriyyah. Utusan Malaysia. Diterbitkan 6 Disember 2004)

Nampaknya tariqat ini mempunyai peranan yang sangat penting dalam kehidupan muslim Indonesia terutamanya dalam meniup semangat perjuangan masyarakat tempatan menentang penjajahan Belanda.



SUMPAHAN KE ATAS KAUM YAHUDI

Oleh :

Syaiful Nizam bin Md Jan

Penolong Mufti Bahagian Tariqat dan Tasauwuf
Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

Disebutkan di dalam al-Quran tentang Allah mengubah sebahagian orang Yahudi menjadi kera. Adakah kera wujud sebelum mereka dan adakah mereka kekal beranak-pinak sehingga sekarang?

Firman Allah SWT,

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ الَّذِينَ اعْتَدَوْا مِنْكُمْ فِي السَّبْتِ
فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ ﴿٦٥﴾

Yang bermaksud, *"Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang-orang di antara kamu yang melanggar (larangan) pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka: "Jadilah kamu kera yang hina".¹*

Ayat ini adalah peringatan kepada seluruh orang Yahudi yang ada ketika ayat ini diturunkan bahkan kepada mereka yang ada pada hari ini yang mengingkari kerasulan Nabi Muhammad SAW serta yang mengubah kalam tuhan daripada yang sepatutnya. Sehingga mereka dibalas oleh Allah sepertimana pembalasan ke atas orang Yahudi yang melanggar arahan-Nya ketika dilarang daripada berburu pada hari Sabtu. Akibatnya mereka disumpah menjadi kera dan babi dan menjadikan mereka dihina dan dimurkai.

Bagi ahli tafsir terdapat dua pendapat tentang sumpahan tersebut. Adakah sumpahan itu secara fizikal atau secara maknawi iaitu adakah diubah mereka yang melanggar arahan itu menjadi kera dan babi dengan diubah rupa bentuk mereka atau diubah perangai mereka menjadi seperti perangai kera dan babi yang

mengubah kemuliaan mereka sebagai anak Adam kepada satu kehinaan seperti kedudukan kera dan babi?

Sebahagian kecil ulama tafsir berpendapat sumpahan ini adalah sumpahan maknawi. Di dalam tafsir al-Qurtubi menyatakan, ini adalah pendapat yang diriwayatkan oleh Mujahid dalam mentafsirkan ayat tersebut. Iaitu perubahan pada hati mereka sahaja sehingga menjadikan mereka berperangai seperti perangai kera. Selain daripada beliau tidak terdapat pendapat sebegitu dalam kalangan ahli tafsir setakat diketahui.

Kebanyakan ahli tafsir pula berpendapat sumpahan ini adalah secara fizikal. Tetapi mereka berselisih pendapat tentang adakah mereka ini membiak atau tidak selepas mereka ditukar menjadi kera? Imam al-Qurtubi menyatakan, terdapat dua pendapat tentang adakah mereka ini membiak selepas mereka ditukar menjadi kera. Al-Zujaj berpendapat: Boleh jadi kera yang ada pada hari ini adalah daripada mereka. Perkara ini disokong oleh Qadi Abu Bakr bin al-Arabi. Manakala jumhur menyatakan: Mereka yang ditukar rupa ini tidak membiak dan tidak beranak-pinak.

Sesungguhnya kera dan babi telah wujud sebelum ini. Mereka yang telah ditukar rupa bentuk mereka oleh Allah telah binasa, tiada kekal membiak. Hal ini kerana mereka telah ditimpa kemurkaan dan azab daripada Allah SWT dan mereka tidak kekal di dunia ini lebih daripada tiga hari.

Ibn Abbas berkata: Mereka yang disumpah ini tidak hidup lebih daripada tiga hari. Mereka tidak makan, tidak minum dan tidak beranak-pinak. Ibn Atiyyah berkata: Diriwayatkan daripada Nabi SAW, telah thabit bahawa mereka yang disumpah ini tidak beranak-pinak, tidak makan, tidak minum dan tidak hidup lebih daripada tiga hari. Imam al-Qurtubi menyatakan: Inilah pendapat yang sahih antara dua pendapat tadi.

Bagi mereka yang berpegang dengan pendapat orang yang disumpah ini masih kekal dan beranak-pinak adalah berdasarkan riwayat Muslim,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: فَقَدْتُ أُمَّةً مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا يُدْرِي مَا فَعَلْتُ وَإِنِّي لَا أَرَاهَا إِلَّا الْفَارَ إِذَا وُضِعَ لَهَا أَلْبَانُ الْإِبِلِ لَمْ تَشْرَبْ، وَإِذَا وُضِعَ لَهَا أَلْبَانُ الشَّاةِ شَرِبَتْ...

Yang bermaksud, "Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW bersabda: Sudah hilang umat daripada Bani Israil yang tidak diketahui apa yang dilakukannya sekarang ini. Aku tidak nampak kecuali tikus, apabila diletak susu unta maka ia tidak akan meminuminya. Tetapi jika diletak susu kambing maka ia akan meminuminya..."

Begitu juga hadith yang diriwayatkan oleh Muslim,

عن أبي سعيد وجابر، قال جابر: أُنِّي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِضَبٍّ، فَأَبَى أَنْ يَأْكُلَ مِنْهُ، وَقَالَ: لَا أَدْرِي لَعَلَّهُ مِنَ الْقُرُونِ الَّتِي مُسِحَتْ.

Yang bermaksud, "Daripada Abu Said dan Jabir RA, berkata Jabir: Telah datang kepada Rasulullah SAW dhob. Baginda enggan memakannya lalu bersabda: Aku tidak tahu adakah ia daripada binatang dari kurun yang (kaum Yahudi) disumpah ..."

Hal ini telah dijawab oleh jumhur ulama tafsir bahawa kata-kata Rasulullah SAW ini disebabkan keraguan atau sebagai langkah

berjaga-jaga (احتياط) sebelum diturunkan wahyu kepada Baginda yang menerangkan Allah tidak menjadikan mereka yang disumpah itu membiak. Apabila diturunkan wahyu maka hilanglah keraguan serta kebimbangan tersebut. Jadi, diketahuilah bahawa tikus dan dhob bukanlah binatang daripada kaum Yahudi yang disumpah itu.

Manakala dalil bagi jumhur tentang pendapat mereka adalah berdasarkan riwayat Muslim di dalam Kitab al-Qadr,

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَأَلَ عَنِ الْقِرْدَةِ وَالْخَنَازِيرِ: هِيَ مِمَّا مُسِحَ؟ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَمْ يَهْلِكْ قَوْمًا، أَوْ يُعَذِّبْ قَوْمًا، فَيَجْعَلَ لَهُمْ نَسْلًا، وَإِنَّ الْقِرْدَةَ وَالْخَنَازِيرَ كَانُوا قَبْلَ ذَلِكَ.

Yang bermaksud, "Sesungguhnya Nabi SAW ditanya tentang kera dan babi, adakah ia daripada mereka yang telah disumpah? Nabi SAW menjawab: Sesungguhnya Allah azza wa jalla tidak membinasa atau mengazab satu kaum dengan menjadikan mereka beranak-pinak. Kera dan babi telah pun wujud sebelum mereka."

Hal ini juga disokong berdasarkan nas sahih yang jelas dikeluarkan oleh Imam Muslim daripada Abdullah bin Mas'ud berkenaan memakan dhob di hadapan Nabi SAW dan Baginda tidak mengingkari atau menegur perbuatan mereka. Inilah bukti yang sahih yang dipilih oleh al-Qurtubi di antara dua pendapat iaitu mereka yang disumpah itu tidak membiak dan beranak-pinak.

Maka timbul persoalan, sekiranya hal ini berlaku kepada mereka yang melanggar perintah pada hari Sabtu, adakah boleh berlaku sumpahan ini kepada orang lain juga? Jawapan ini kita serahlah berdasarkan kenyataan nas dan berdasarkan peristiwa yang telah berlaku dalam lipatan sejarah yang terdahulu atau yang baru.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

“Menukar Benci Menjadi Sayang”

Disediakan Oleh:

USTAZAH RAZIDAH ADAM

■ Ketua Penolong Pengarah Kanan, JAKIM

“Kebencian itu adalah seperti kamu meminum racun dan berharap musuhmu yang terbunuh.”

Begitulah perumpamaan yang menggambarkan keadaan orang yang jiwanya ada kebencian. Hakikatnya, perasaan benci mengundang keburukan dan menganiayai diri sendiri.

Sebagai manusia normal, kita tidak sunyi daripada mengalami perasaan benci. Benci adalah suatu jenis emosi yang Allah wujudkan dalam diri manusia. Di dalam al-Quran, Allah menyatakan tentang wujudnya emosi benci dalam diri manusia. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Quran:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

Yang maksudnya: "Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya" [Al-Baqarah: 216]

Adakah emosi benci ini dilarang secara mutlak atau pun pada keadaan tertentu, benci itu menjadi lubuk pahala kita? Emosi benci mempunyai kebaikan dan keburukannya. Kebaiikannya ialah apabila manusia benci melihat kemungkaran yang berlaku, ia akan mendorong manusia untuk



memperbetulkan keadaan tersebut dan usaha itu akan diganjar pahala. Manakala keburukannya pula ialah apabila emosi benci tidak dapat dikawal, ia boleh membawa kepada permusuhan dan pergaduhan serta pertelingkahan sesama makhluk.

Justeru, perasaan benci yang dizahirkan dalam konteks mentaati Allah akan menyempurnakan amalan seseorang. Daripada Abu Dzar, dia berkata: Rasulullah SAW keluar menemui kami lalu bersabda:

” أَتَدْرُونَ أَيُّ الْأَعْمَالِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ؟ ” قَالَ قَائِلٌ الصَّلَاةُ وَالزَّكَاةُ، وَقَالَ قَائِلٌ الْجِهَادُ، قَالَ: ” إِنَّ أَحَبَّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ الْحُبُّ فِي اللَّهِ، وَالْبُغْضُ فِي اللَّهِ“

Maksudnya: "Tahukah kalian amalan yang paling dicintai oleh Allah?" Ada yang menjawab, "Solat dan zakat." Ada juga yang menjawab, "Jihad." Rasulullah lalu bersabda, "Sesungguhnya amalan yang paling dicintai oleh Allah adalah mencintai kerana Allah dan membenci jua kerana Allah." (HR. Ahmad)

Ada perbezaan antara benci terhadap perbuatan dosa, dengan benci terhadap individu pelaku dosa. Dalam konteks ini, Islam mengajar umatnya untuk membenci perbuatan dosa, tetapi dalam masa yang sama, tetap mempertahankan

rasa kasih sayang dan keadilan terhadap si pelaku dosa tersebut. Usaha untuk mencegah kemungkaran tidak sewajarnya mematikan perasaan kasih sayang dan ihsan kepada si pelaku kemungkaran. Bahkan jika telah tercetus rasa benci secara melampau kepada pelaku dosa, dibimbangi usaha *amal makruf* dan *nahi munkar* tersebut telah dihambat dengan belitan iblis dan syaitan. Sudah tentu ia tidak akan mencapai objektif sebenar di sebalik perintah melakukan *amar makruf* dan *nahi munkar* tersebut.

Dalam hubungan kita bersama orang lain pula, pastinya kita kerap bertemu individu yang mempunyai personaliti berbeza. Ada kalanya perbezaan personaliti, kelainan cara dan tindakan seseorang boleh menimbulkan ketidakselesaan di dalam diri kita. Perkara seperti itu adalah normal selagi mana perasaan ketidakselesaan itu tidak dizahirkan dengan perilaku yang menunjukkan perasaan benci kepadanya. Walau pun mulut tidak melafazkan benci, tapi reaksi tubuh badan kita mampu menterjemahkan perasaan benci tersebut. Hal ini akan menjejaskan silaturahim. Ini kerana emosi benci adalah emosi negatif yang kompleks dan mempunyai kesan yang kuat ke atas diri kita sendiri dan juga kepada orang lain.

Kebencian tidak hanya akan merosakkan sesuatu perhubungan dan menimbulkan konflik, tetapi juga memiliki kesan negatif pada kesejahteraan peribadi dan spiritual individu yang mempunyai

perasaan itu. Tepatlah seperti bidalan yang menggambarkan apabila kita mempunyai emosi benci, keadaannya sama seperti keadaan orang yang meminum racun tetapi berharap orang lain yang akan menerima akibatnya. Kebencian kepada orang lain akan mendera kita secara mental dan menghilangkan ketenteraman jiwa walaupun tujuan sebenar adalah untuk menyakitkan orang yang dibenci.

Ada ketikanya, kita merasakan adil untuk memiliki perasaan benci selepas menempuh pengalaman buruk, dianiaya dan dirampas segala perkara yang sebelumnya menjadi milik kita. Pada ketika itu, kita merasakan wajar untuk membenci orang yang telah meletakkan kita sehingga terperosok dalam kehidupan yang sukar. Dalam keadaan sebegini, adalah sulit untuk kita menyisihkan perasaan benci. Namun, kita memerlukan jiwa yang besar untuk meneladani akhlak Baginda Rasulullah ketika mana dapat menakluk semula kota kelahirannya, Makkah al-Mukarramah dalam peristiwa yang dinamakan sebagai Fathu Makkah. Ia berlaku sekitar tahun ke-lapan Hijrah.

Kita maklum begitu banyak kejahatan, penganiayaan dan kezaliman serta tekanan demi tekanan dilakukan oleh penduduk kafir Quraisy Makkah kepada Baginda Rasulullah SAW dan para sahabat. Akhirnya, turun perintah Allah agar Baginda SAW serta para sahabat meninggalkan kota kelahirannya, sehelai sepinggang berhijrah menuju ke kota Madinah. Setelah beberapa tahun, Baginda SAW dapat menakluk kembali kota Makkah. Sebaik sahaja Baginda memasuki kota kelahirannya, sedikit pun tiada kebencian yang dizahirkan kepada penduduk Makkah atau membalas dendam atas segala kejahatan yang pernah dilakukan. Sebaliknya Baginda SAW telah memberikan kemaafan kepada mereka. Anas bin Malik RA mengatakan:

لَمَّا فَتَحَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكَّةَ وَهُوَ يَمْشِي
وَقَدْ انْتَنَتْ رُقْبَتُهُ حَتَّى اقْتَرَبَتْ مِنْ حَنْكِهِ، قَالَ: "أَذْهَبُوا
فَأَنْتُمْ الطُّلُقَاءُ"

Maksudnya: "Ketika Nabi SAW memasuki Makkah dalam peristiwa Fathu Makkah, beliau berjalan dengan kepala sedikit menunduk, hingga dahi beliau hampir menyentuh lehernya. Beliau kemudian berkata, 'Pergilah, kalian semua adalah bebas.'" (HR. Muslim)

Hadith ini menggambarkan bahawa ketika Rasulullah SAW berjaya memasuki Makkah, Baginda berjalan dengan penuh rendah hati dan kesederhanaan. Baginda telah memberikan pengampunan kepada penduduk Makkah walaupun perlakuan mereka sebelum itu adalah sangat melampau. Tindakan Rasulullah SAW memberi kemaafan kepada orang kafir Quraisy dalam peristiwa Fathu Makkah adalah langkah tepat bagi menarik perhatian mereka kepada keindahan ajaran Islam. Ia telah mengesani penduduk Makkah sehingga mereka memilih untuk masuk Islam secara beramai-ramai serta berjanji setia dengan Rasulullah SAW.



Rasulullah SAW telah berpesan agar kita berpada-pada dalam menzahirkan sayang dan juga benci. Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

أَحِبِّ حَبِيبَكَ هَوْنًا مَّا، عَسَى أَنْ يَكُونَ بَغِضَكَ يَوْمًا
مَّا، وَأَبْغِضْ بَغِضَكَ هَوْنًا مَّا، عَسَى أَنْ يَكُونَ حَبِيبَكَ
يَوْمًا مَّا

Yang bermaksud: "Cintailah orang yang kamu cintai sekadarnya. Boleh jadi orang yang sekarang kamu cintai suatu hari nanti menjadi orang yang kamu benci. Dan bencilah orang yang kamu benci sekadarnya, boleh jadi suatu hari nanti dia menjadi orang yang kamu cintai." (HR. Tirmidzi)

Emosi benci, selain daripada menggugat kesejahteraan emosi dan fokus mental kita, ia juga mengundang perlakuan dan tindakan yang tidak sihat. Perasaan benci berlebihan akan membuat kita lupa kebbaikannya dan kita cenderung mengungkit semula kebaikan yang pernah kita lakukan. Setiap kesalahannya akan diingati, dan dalam masa yang sama, melupakan kesalahan kita terhadapnya. Bahkan perasaan benci itu membuat kita tidak peduli dengan nasihat kebenaran daripada dirinya kerana nasihat kebenaran itu datang daripada orang yang kita benci. Dengan kata lainnya, kita tidak dapat berlaku adil kepada orang yang dibenci sedangkan Allah telah menyatakan dalam firman-Nya:

...وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوْا
أَعْدِلُوْا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ

Yang bermaksud: "...dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa..." [Al-Maidah 8]

Marilah kita menukar rasa benci kepada sayang dengan melazimi doa daripada Al-Quran untuk memohon perlindungan Allah daripada kesan sifat benci:

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ
وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠﴾

Bermaksud : "Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami, perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan RahmatMu" [Al-Hashr: 10]

TAFSIR SURAH AR-RAHMAN

AYAT 31 – 36

Disediakan oleh : Ustaz Solahuddin Abdul Rahman

سَنَفْرُغُ لَكُمْ أَيُّهَ الثَّقَلَانِ ﴿٣١﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٢﴾ يَمْعَشَرِ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ
إِنْ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا ۚ لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَنِ
﴿٣٣﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٤﴾ يُرْسِلُ عَلَيْكُمْ شَوَاطِلَ مِّنْ نَّارٍ وَنُحَاسٍ فَلَا
تَنْتَصِرَانِ ﴿٣٥﴾ فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٦﴾

"Kami akan tumpukan perhatian kami sepenuhnya kepada kamu, wahai jin dan manusia. Maka manakah satu daripada nikmat-nikmat Tuhan kamu yang hendak kamu dustakan (wahai manusia dan jin)? Wahai sekalian jin dan manusia! Jika kamu berkuasa menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi, maka cubalah kamu menembusi keluar darinya, kamu tidak akan dapat menembusi keluar melainkan dengan kekuatanNya. Maka manakah satu daripada nikmat-nikmat Tuhan kamu yang hendak kamu dustakan (wahai manusia dan jin)? Akan dilepaskan ke atas kamu pucuk-pucuk api dan leburan tembaga dan kerana itu kamu tidak akan dapat menyelamatkan diri. Maka manakah satu daripada nikmat-nikmat Tuhan kamu yang hendak kamu dustakan (wahai manusia dan jin)?

Setelah Allah SWT menjelaskan bahawa seluruh alam ini akan binasa, Allah SWT membawa pula ancaman yang menakutkan sebagai persediaan untuk menjelaskan keadaan hari kiamat yang amat dahsyat.

سَنَفْرُغُ لَكُمْ أَيُّهَ الثَّقَلَانِ ﴿٣١﴾

"Kami akan tumpukan perhatian kami sepenuhnya kepada kamu, wahai jin dan manusia"
(Surah ar-Rahman: 31)


Ini adalah pernyataan yang menggegarkan manusia dan jin. Allah SWT Yang Maha Gagah, Maha Besar dan Maha Tinggi kemuliaanNya kini menumpukan perhatianNya dengan penuh ancaman untuk menghisab dua makhluk ini, iaitu manusia dan jin.

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٢﴾

"Maka manakah satu daripada nikmat-nikmat Tuhan kamu yang hendak kamu dustakan (wahai manusia dan jin)?"
(Surah ar-Rahman: 32)

Kemudian al-Quran terus mencabar manusia dan jin supaya cuba menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi jika mereka ada kuasa dan ada kemampuan.

يَمْعَشَرِ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ إِنْ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ
تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ



فَإِنفُذُوا ۚ لَا تَنفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطٰنٍ ﴿٣٣﴾

"Wahai sekalian jin dan manusia! Jika kamu berkuasa menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi, maka cubalah kamu menembusi keluar darinya, kamu tidak akan dapat menembusi keluar melainkan dengan kekuatanNya."

(Surah ar-Rahman : 33)

Bagaimana mereka hendak menembus keluar dan dari mana? Dengan kekuatan apa? Sedangkan yang dapat menembus keluar itu perlu ada kekuatan. Semua maklum bahawa tiada daya dan tiada upaya melainkan dengan izin Allah SWT. Manusia dan jin pada hakikatnya adalah lemah dan keupayaan mereka adalah bergantung kepada izin Allah SWT.



فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٤﴾

"Maka manakah satu daripada nikmat-nikmat Tuhan kamu yang hendak kamu dustakan (wahai manusia dan jin)?"
(Surah ar-Rahman: 32)

Masih inginkah lagi mereka hendak dustakan nikmat-nikmat yang telah mereka perolehi?

Seterusnya al-Quran telah menzahirkan ancaman yang ngeri dan membinasakan, yang menunggu mereka akibat keingkaran mereka.



يُرْسَلُ عَلَيْكُمَا شُوَاظٌ مِّن نَّارٍ
وَنُحَاسٌ فَلَا تَنتَصِرَانِ ﴿٣٥﴾

"Akan dilepaskan ke atas kamu pucuk-pucuk api dan leburan tembaga dan kerana itu kamu tidak akan dapat menyelamatkan diri."
(Surah ar-Rahman: 35)

Ini adalah gambaran kedahsyatan yang di luar kebiasaan manusia dan jin serta seluruh makhluk

yang lain. Ia menggambarkan bentuk seksaan neraka yang mana ia bukan hanya setakat kepanasan api neraka tetapi ditambah lagi dengan bentuk seksaan yang lain antaranya ialah leburan tembaga. Kekuasaan Allah SWT menyiksa jin dan manusia yang ingkar ini terungkap juga di dalam ayat-ayat yang lain antaranya:

وَذَرْنِي وَالْمُكَذِّبِينَ أُولِيَ النَّعْمَةِ ...

"Biarlah aku sahaja yang bertindak terhadap pendusta-pendusta yang mempunyai kemewahan itu..." (Surah al-Muzammil :11)

Juga dalam firmanNya:

ذَرْنِي وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا ﴿١١﴾

"Biarkan Aku sahaja yang bertindak terhadap mereka yang Aku ciptakannya dengan sendirian." (Surah al-Muddaththir : 11)

Berdasarkan kepada ancaman yang telah dilontarkan oleh al-Quran, tidak sepatutnya dalam kalangan jin dan manusia untuk terus menjadi kelompok yang ingkar dan tidak mahu patuh dengan semua perkara yang telah diperintahkan kepada mereka.

Segala nikmat yang telah diperolehi sepatutnya menjadi sandaran untuk mereka menjadi hambaNya yang taat dan patuh dengan segala yang telah ditetapkan kepada mereka. Kerana itulah al-Quran mengulangi ayat



فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٦﴾

"Maka manakah satu daripada nikmat-nikmat Tuhan kamu yang hendak kamu dustakan (wahai manusia dan jin)?"
(Surah ar-Rahman: 36)

Dengan nikmat yang melimpah ruah ini, jin dan manusia sepatutnya bersyukur dan tunduk patuh terhadap perintah dan meninggalkan segala larangan Allah SWT.

PERINGATAN TENTANG UMUR INSAN

KARYA

AL QUTB AL IRSYAD AL IMAM ABDULLAH
ALAWI AL HADDAD



Ulasan : **Dr Shuhadak Mahmud al Jakfari**

- Syeikh Tariqat Al-Ja'fariyah A-Ahmadiyah Al-Muhammadiyah
- Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan

Allah menganjurkan kita agar mendengar tazkirah seperti firmanNya di dalam al-Quran:

وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَنْ يُنِيبُ ﴿١٣﴾

Ertinya: "Dan tiadalah yang ingat serta mengambil pelajaran (dari yang demikian) melainkan orang yang sentiasa bertumpu (kepada Allah)."
(Surah Ghafir: 13)

Umur Manusia : Keadaan dan Pergolakannya.

Ketahuiilah setelah kami menyelidiki tentang umur manusia yang telah dicapai oleh anak Adam atau yang dilaluinya terbahagi kepada lima bahagian :

Umur pertama:

Dari sejak Allah mencipta Nabi Adam dan dibekalkan zuriat pada tulang punggungnya. Di antara mereka ada yang bahagia dan ada yang celaka. Zuriat itu berpindah dari tulang sulbi lelaki ke dalam rahim wanita sehingga lahirlah tiap-tiap orang antara ayah dan ibunya.

Umur kedua :

Dari sejak lahirnya manusia sehingga kewafatannya (inilah umur yang paling penting kerana masa untuk kita beriman dan beramal soleh).

Umur ketiga :

Sejak dicabut nyawanya sehingga ditiup sangkakala iaitu masa menunggu manusia di alam barzakh.

Umur keempat :

Sejak manusia keluar dari kuburnya pada hari kebangkitan sehingga menerima kitab amalan masing-masing

Umur kelima :

Dari kemasukan ahli syurga dan ahli neraka ke tempat yang kekal abadi yang tiada penghujungnya.

Menurut tokoh ilmuan besar mazhab Hanbali iaitu al-Imam Ibn al-Jauzi, fasa kehidupan manusia di dunia ini adalah seperti berikut :

01

Zaman kanak-kanak sehingga umur 15 tahun

02

Zaman remaja sehingga berusia 35 tahun

03

Zaman dewasa sehingga berusia 50 tahun

04

Umur tua sehingga 70 tahun

05

Melempi umur 70 sehingga dia meninggal dunia dianggap tua bangka.

Kitab
Sabil
al-Iddikar



Di dalam athar, tersebut satu riwayat bahawasanya Allah telah mengambil perjanjian daripada keturunan Nabi Adam ditulisNya bagi mereka suatu catitan, lalu disimpannya pada Hajar al-Aswad. Sebab itulah jemaah haji ketika mencium Hajar al-Aswad selepas sempurna tawaf di Baitul Atiq membaca doa ini :

اَللّٰهُمَّ اِيْمَانًا بِكَ وَوَفَاءً بِعَهْدِكَ وَتَصَدِّيقًا بِكِتَابِكَ

Ya Allah ya Tuhanku, ini adalah sebagai memenuhi keimanan denganMu, dan sebagai menunaikan janjiku kepadaMu, dan sebagai mempercayai kitabMu.

Pengakuan ini menunjukkan zuriat nabi Adam itu telah wujud dan mendengar tetapi bukan wujud di dunia ini. Inilah peringkat umur yang pertama.

Umur yang terbaik dan berkat adalah apabila ia ditaufikkan untuk melakukan amal soleh. Ada dalam kalangan kekasih Allah yang umurnya pendek tetapi sumbangan kebaktiannya berkekalan, antaranya Imam Syafie yang wafat ketika berusia 54 tahun, Imam al-Ghazali berusia 55 tahun, Imam al-Nawawi berusia 46 tahun, khalifah yang soleh Sayyiduna umar Abdul Aziz berusia 39 tahun.

Kematian yang dicemburui adalah kematian orang soleh. Ianya ditangisi tempat sujudnya. Ini berdalilkan ayat 29 Surah al-Dukhan :

فَمَا بَكَتْ عَلَيْهِمُ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ وَمَا كَانُوا

مُنْظَرِينَ ﴿٢٩﴾

Maksudnya : Maka langit dan bumi tidak menangis mereka dan mereka pun tidak diberi penanguhan waktu.

من خاف أدلج ومن أدلج بلغ المنزل ألا إن سلعة الله غالية ألا إن سلعة الله الجنة

Siapa yang takut, hendaklah ia berjalan malam (tidak menanggukkan amal), dan siapa yang berjalan malam akan sampai ke rumahnya (tujuan). Ingatlah, sesungguhnya jualan Allah adalah mahal. Ingatlah sesungguhnya jualan barangan Allah adalah syurga. (HR Tirmizi).

Inilah peringkat umur yang kedua iaitu kita ditaklifkan untuk menjunjung perintah Allah dan menjauhi tegahanNya semasa hayat kita di dunia yang fana' ini.

Sayyidi al-Habib Abdullah al-Haddad sememangnya telah menghidangkan kepada para pembaca kupasan dan perbahasan yang unik dan menarik mengenai tema umur insan ini. Semoga Allah memberkati muallif dan mengurniakan kita taufiq untuk mengisi baki usia kita dengan ketaatan dan kebaktian.

Menurut al-'Allamah al-Habib Umar bin Hafiz ketika membicarakan manaqib Qutub al-Ghauth al-Imam al-Habib Abdullah al-Haddad dan karya beliau Sabil al-Iddikar, kitab ini telah diterjemahkan di dalam banyak bahasa termasuklah di dalam Bahasa Inggeris. Ia juga dibaca oleh para banduan di penjara England dan menyebabkan ramai dalam kalangan mereka yang mendapat hidayah dan memeluk agama fitrah ini. والله الحمد والمنة

Kitab yang bermanfaat ini diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Syaikh Sayyid Ahmad Sumait dari Singapura. Al-faqir masih mengajar kitab ini di Masjid Nur al-Ihsan Rasah Kemayan dan Masjid Ibnu Khaldun Lavender Heights.

ALLAHYARHAM SYEIKH HAJI MUHAMMAD SAID BIN HAJI MUHAMMAD JAMALUDDIN

Pengasas Tareket al-Ahmadiyah

Ehsan daripada:

<http://www.alahmadiyyah-rasah.blogspot.com/>

Nama lengkap Haji Muhammad Said bin Haji Muhammad Jamaluddin bin Haji Idris. Dikenali juga dengan panggilan al-Syaikh Muhammad Said al-Linggi al-Jawi.

Datuknya, Haji Idris adalah anak kepada Hajjah Rahimah binti Khatib Musa bin 'Amaluddin bin Awaluddin @ Dato' Awal bin Faqih @ Daeng Abdul Malik adalah seorang alim yang salih lagi keramat. Hampir separuh dari usianya dihabiskan di kota ilmu Makkah kerana menuntut ilmu. Haji Idris berketurunan campuran Minangkabau-Bugis Linggi. Ini adalah kerana isteri Khatib Musa yang bernama Zalikha adalah anak seorang pembesar di Kampung Semabuk, Minangkabau. Manakala Dato' Awaluddin pula disebut-sebut sebagai peneroka daerah Linggi(1783) di Negeri Sembilan.

Satu sumber lain mengatakan nasab sebelah datuk bapanya sampai ke Saidina Abdullah bin Abbas, sepupu Rasulullah s.a.w. Dikatakan demikian kerana suami Hajjah Rahimah, iaitu Haji Abdul Mu'min Linggi bin Syeikh Muhammad Nakhoda Minangkabau bin Ahmad bin Umar bin Saleh bin Abdullah adalah berasal dari Hadramaut.

Bapanya sendiri, Haji Jamaluddin (1835-1888) adalah seorang tokoh ulama' Melayu Negeri Sembilan yang pernah diberi kepercayaan

mengajar di Masjid al-Haram semasa bermukim di kota Makkah. Dia terkenal zahid, berpendirian memada (qana'ah) dan dikurniakan pelbagai karamah. Diceritakan pada hari kematiannya, dia tidak meninggalkan sebarang wang walau sesen pun!

Ibunya, Hajjah Safiah binti Haji Muhammad Saleh al-Fatani adalah seorang Qurra' yang terkenal elok bacaanya lagi penyantun. Pernah menjadi guru Qira'at al-Quran baik semasa tinggal di Makkah mahupun ketika berada di Patani. Murid-muridnya tidak terbilang kerana terlalu ramai.

Manakala datuk sebelah ibunya, Haji Muhammad Saleh al-Fatani yang masyhur keramat itu adalah seorang guru pondok yang terulung pada zamannya. Murid-muridnya tidak kurang 500 orang pada satu-satu masa. Haji Muhammad Saleh berkahwin dengan Hajjah Mariam, juga terkenal dengan kesalihannya. Bapa Hajjah Mariam, Syaikh Abdul Rashid al-Fatani pula adalah seorang tokoh ulama' yang termasyhur pada zamannya, dianugerahi Allah dengan beberapa banyak keistimewaan yang tersendiri.

Ringkasnya, Muahmmad Said lahir di tengah-tengah rumpun keluarga alim ulama' yang terkemuka dan alim turun-temurun.

Kelahirannya:

Muhammad Said dilahirkan di perkampungan Syi'b Ali Makkah pada hari Sabtu yang keempat atau yang ketiga daripada bulan Sya'ban tahun 1292 yang bersamaan dengan 25 atau 18 September 1875.

Dipelihara ibu dan neneknya(Hajjah Mariam) . Ketika itu bapanya sedang berkhidmat di Tanah Jawi.

Zaman Remajanya:

Pada tahun 1882, ketika berusia 7 tahun, Muhammad Said dibawa pulang ke Patani, tanah tumpah darah ibunya. Beliau dibesarkan disana sehinggalah umurnya meningkat 12 tahun.

Muhammad Said sungguh bertuah kerana ibunya seorang yang fasih dalam bidang qiraat al-quran. Ibu yang salihah inilah yang mendidik dan membentuk peribadinya.Lantaran itu tidak hairanlah jika beliau tergolong sebagai seorang kanak-kanak yang sangat elok akhlakunya lagi cerdas pula akal nya.

Guru-guru Awalnya:

Pada tahun 1887, barulah beliau dihantar mengaji di luar rumah. Empat orang guru awalnya ialah Syaikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani(Tuan Minal), Haji Awang (Tuan Semela atau Dato' Semela), Dato' Nahu dan Syaikh Muhammad Nuh yang berasal dari Negeri Kedah. Beliau mempelajari ilmu-ilmu Fiqh, Usuluddin, Tasawwuf, Nahu dan macam-macam ilmu lagi. Dikecualikan Tuan Minal, ketiga-tiga orang guru yang akhir itu adalah bekas murid datuknya, Syaikh Abdul Rashid al-Fatani.

Muhammad Said adalah seorang pelajar yang bercita-cita tinggi, tekun belajar, malah pernah tidak tidur malam sampai terbit fajar kerana tidak menyedari matahari telah naik, bahkan ada ketika-ketika mengalir kedua matanya akan

darah daripada terlampau banyak menilik kepada kitab-kitab.

Setahun kemudian (1888), bapanya meninggal dunia semasa berusia 54 tahun(Hijri) dan dikebumikan di tanah perkuburan Linggi, Negeri Sembilan.

Ke Makkah:

Pada tahun 1892, ketika berumur 17 tahun, Muhammad Said belayar ke kota ilmu Makkah bertujuan mendalami pengajiannya. Antara puluhan gurunya tersenarailah nama-nama seperti berikut:-

1. Syaikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki
2. Syaikh Muhammad Nawawi al-Batani
3. Syaikh Abi Bakr Syata
4. Syaikh Ahmad al-Manshawi
5. Syaikh Umar al-Shami
6. Syaikh Muhammad Said bin Muhammad Babasil (Mufti Shafi'i)
7. Syaikh Abdul karim al-Daghastani
8. Syaikh Muhammad bin Yusuf al-Khayyat
9. Syaikh Umar bin Abi Bakr Bajunid
10. Syaikh Muhammad Said bin Muhammad al-Yamani
11. Syaikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif Minangkabau
12. Syaikh Zainuddin Sumbawa
13. Syaikh Wan Muhammad Ali Kutan
14. Syaikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain Patani

Ke Madinah:

Muhammad Said termasuk di kalangan penuntut yang gigih dan bersemangat waja. Pernah bermusafir secara berjalan kaki ke Madinah kerana menziarahi makam Rasulullah(sesudah bermimpi menemui baginda). Semasa berada di Madinah beliau berpeluang berguru dengan Sayyid Ja'far al-Barzanji, Mufti Shafi'i.

Ke Mesir:

Kemudian meneruskan perjalanan ke Bait al-Maqdis dan akhirnya ke negara Mesir melanjutkan ilmu tentang selok-belok ilmu fiqh empat mazhab. Disana beliau mendalami ilmu-ilmu syara', naql dan aqal. Antara lainnya berguru dengan Syaikh al-Jami' al-Azhar iaitu Syaikh Shamsuddin al-Anbani dan dengan Syaikh Ahmad al-Rifa'I al-Malikki, iaitu sebesar-besar ulama' Mazhab Malaiki di dalam Azhar zaman itu(1896).

Pulang Ke Makkah:

Selanjutnya beliau pulang semula ke Makkah. Belajar ilmu tarikat dengan Syaikh Muhammad bin Ahmad al-Dandarawi (meninggal dunia di Madinah pada 19 Februari 1909). Akhir sekali Muhammad Said diberi ijazah tariqat Ahmadiyah, iaitu pada hujung tahun 1318 Hijrah(bersamaan pertengahan April 1901).

Alhasilnya, guru Muhammad Said berjumlah 50 orang lebih. Beliau diketahui alim dalam ilmu-ilmu alat, Usuluddin, Fiqh empat mazhab; juga ilmu ruhani, Hikmat, Falsafah, al-Quran dan sebagainya.

Sahabat-sahabatnya:

Antara sahabat-sahabat seperguruan termasuk Tuan Mukhtar Bogor, Tuan Husain Kedah, Pak Wan Sulaiman Kedah, Haji Abdullah Pak Him Seberang Perai, Syaikh Uthman bin Abdul Wahhab Sarawak (meninggal 29 Julai 1921), Sidi Muhammad al-Azhari Makkah dan ramai lagi.

Pulang Ke Tanah Air:

Sekitar tahun 1320 H/1902 M, beliau pulang ke Negeri Sembilan lalu menetap di Ampangan, Seremban. Mengajar ilmu-ilmu agama, juga zikir tarikat Ahmadiyah kerana tokoh sufi ini telah dilantik menjadi khalifah atau wakil peribadi Syaikh Muhammad al-Dandarawi di Kepulauan

Melayu.

Di samping itu, beliau begitu berani cuba mengikiskan perbuatan bid'ah, pegangan khurafat dan amalan yang didapati bertentangan dengan syariat yang banyak bersarang dalam masyarakat. Pada peringkat awalnya tindakan Haji Muhammad Said itu ditentang hebat oleh orang-orang Islam sendiri. Namun berkat kesabarannya pemimpin tarikat ini akhirnya dapat mengumpul ramai pengikut setia.

Selain bergiat di Negeri Sembilan, beliau juga banyak merantau sambil menyebarkan ilmu-ilmu keislaman, khususnya ilmu sufi dan kerohanian. Antaranya ke negeri Kedah, Pahang, Johor, Singapura, Indo China(Saigon), Siam (Ayuthia) dan Kelantan.

Di Kelantan:

Ketika Sheikh Muhammad Said tiba di Kota Bharu pada tahun 1905, beliau dapati Sidi Muhammad al-Azhari, rakan seperguruannya telah pun mengembang ajaran tarikat di sekitar Kota Bharu, termasuk di Pulau Kerbau, Kampung Laut dan di Langgar.

Walaupun seguru, pemahaman dan pendekatan mereka berdua banyak berbeza. Sheikh Muhammad Said menurunkan ilmunya kepada semua lapisan murid tanpa mengira peringkat umur, baik golongan atasan mahupun bawahan, lelaki dan perempuan, orang kebanyakan atau terpelajar. Seiring dengan itu beliau juga mengedarkan karya terjemahannya, Risalat al-Fawa'id sebagai teks panduan. Perselisihan mereka jelas ketara bilamana banyak kalimat dan pengertian ayat di dalam risalat al-Fawa'id telah dipinda atau dipadam terus kemudiannya oleh Sidi Muhammad al-Azhari.

Berlainan dengan cara penyampaian Sidi Muhammad al-Azhari, kaedah pengajaran Sheikh Muhammad Said terlalu cepat sehingga menimbulkan rasa majdhub(semacam mabuk) di kalangan pengikut-pengikutnya. Sebab itu ia

ditentang keras oleh sebahagian besar ulama' Kelantan pada zaman itu, kecuali Tok Wali Haji Ismail Lundang Paku, anak-anak Tuan Tabal dan segelintir ulama' yang lain. Kemuncaknya dibawa ke pengetahuan Sultan yang kemudiannya mengemukakan masalah ini kepada Syaikh Wan Ahmad al-Fatani sebagaimana yang telah disebut pada awal tulisan ini.

Dan seperti yang diharap-harapkan oleh Raja Kelantan, Syaikh Wan Ahmad memberi jawapan yang panjang lebar bertarikh 5 Safar 1324 (Bersamaan 30 Mac 1906).

Selama berada di Kota Bharu, beliau tinggal di rumah Haji Awang Alim, bapa mertuanya. Sheikh Haji Muhammad Said telah berkahwin dengan Hajjah Safiah binti Haji Awang semasa masih berada di Tanah suci lagi. Ketika itu Hajjah Safiah sudah pun janda, berikutan kematian suami pertamanya di Makkah, iaitu Haji Yusuf bin Haji Puteh.

Anak-anaknya:

Sepanjang hayatnya Sheikh Haji Muhammad Said disebut-sebut berkahwin sembilan kali dan dikurniakan 32 orang anak. Salah seorang isterinya ialah Siti Zubaidah binti Haji Said Rembau.

Berikut disenaraikan anak-anaknya yang agak terkenal:

1. Sheikh Haji Abdullah(1905-1956), Kampung Gedung Lalang, Ampangan, Seremban. Anak sulung yang mengambil alih tugas khalifah Tarikat Ahmadiyah selepas kematiannya.
2. Sheikh Haji Ahmad(6 April 1910-7 Januari 1964). Khalifah yang kedua selepas Sheikh Haji Abdullah. Pengasas Pondok Rasah(1935) dan Mufti Negeri Sembilan yang pertama (1950).

3. Sheikh Haji Abdul Rashid, Teluk Kurau, Singapura. Khalifah yang ketiga selepas Sheikh Haji Abdullah dan Sheikh Haji Ahmad. Sangat dihormati dan disegani orang-orang Melayu Singapura.
4. Sheikh Haji Mansor,Ampangan,Seremban(meninggal 1981)
5. Sheikh Haji Muhammad Nor(meninggal 1981)
6. Sheikh Haji Muhammad Hamid
7. Sheikh Haji Ibrahim(dengan isterinya Hajjah Wan Safiah Kota Bharu)
8. Haji Mahadi(1914-20 Februari 1983), Taman Maluri,Kampung Pandan.Kuala Lumpur.

Peribadinya:


Sheikh Haji Muhammad Said adalah seorang tokoh ulama' yang berperibadi sederhana. Tidak inginkan kemegahan dan kesenangan hidup. Bersifat zahid, qana'ah, pemaaf, sabar, taqwa, tawadhu', pemalu, pemurah, wara', kuat beramal dan berkhawat. Dianggap sebagai seorang wali Allah dan doanya makbul.

Beliau suka menolong orang yang dalam kesusahan. Memandang makhluk-makhluk lain dengan penuh timbang rasa dan kasih-sayang. Semenjak menuntut ilmu di Makkah dan di Mesir lagi telah terzhahir kelebihan-kelebihan wara', salih serta keramatnya.

Sebagai seorang ulama' yang amat dihormati dan dikenali di Negeri Sembilan, beliau sangat dikasihi Tuanku Muhammad,Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan (mangkat 1 Ogos 1933) dan amat disayangi Dato' Kelana Ma'mur(1889-1945).

Buku
Transliterasi dan Tahqiq
Kitab Risalah Al-Fawa'id

Karya Syekh
Muhammad Said
Bin Haji Muhammad
Jamaludin



Karya Tulisannya:

Karya Tulisannya:

Walaupun Sheikh Haji Muhammad Said ada menghasilkan beberapa banyak karangan sendiri juga terjemahan, kebanyakannya belum dicetak dan sukar diperolehi. Antara yang sudah dapat dikesan adalah seperti berikut:

1. Syarh Kunuz al-Jawahir al-Nuaniyyat fi Qawa'id al-Tarikat al-Shadhilliyah. Disebut juga Risalat al-Fawa'id atau Rasai'l Jawiyyah. Selesai terjemah pada akhir Rabiulawal 1323 (3 Jun 1905). Membicarakan keistimewaan Sidi Ahmad bin Idris dan cerita-cerita yang bersangkutan dengan ajarannya, termasuk cara beramal dan pelbagai faedah lainnya. Tercap di tepi al-Ahzab al-Irfaniyyah.
2. Al-Ahzab Al-Irfaniyyat Wa Al-Awrad Al-Nuraniyyah. Siap ditulis di Bandar Singapura pada 15 Rabiulawal 18)1323 Jun 1905). Berukuran 18 ½ x14 sentimeter dan tebalnya 200 muka. Mengandungi himpunan doa dan hizb.
3. Kashf al-Ghiba an Haqiqat al-Riba.
4. Sullam al-Ta'rif ila 'Ilm al-Tasrif(ilmu sarf)

5. Risalah Fath(juga mengenai ilmu Sarf).
6. al-Kashf wa al-Tanfis an Ashab Sidi Ahmad bin Idris.
7. Makalah Kaifiat mengerjakan Tarawih 10 rakaat.
8. Perjalanan mendirikan Jumaat.
9. Wazifah-wazifah bagi orang yang salik pada permulaan suluknya.
10. Manuskrip syair arab tanpa tajuk, sepanjang 142 baris yang ditulisnya di Tanah Melayu. Mengupas tentang kesesatan Kaum Wahabi dan kekarutan mereka.

Meninggal Dunia:

Ajalnya tiba pada malam Ahad, 12 Rabiulawal 1345 bersamaan 18/19 September 1926 ketika berusia 53 tahun (Hijriyah). Lebih 5000 orang mengiringi jenazahnya, termasuk Tuanku Muhammad, Yang Dipertuan Besar Negari Sembilan.Dikebumikan di tanah perkuburan Islam Ampangan, iaitu sebuah kawasan berbukit di Bandar Seremban.

Sebagai mengenang jasa baktinya maka Sekolah Ugama Menengah Tinggi Negeri Sembilan(ditubuh 1959) yang mulai 1977 diambil alih pentadbirannya oleh Kementerian Pendidikan dinamakan sempena namanya: SMKA Sheikh Haji Mohd Said, Seremban (SHAMS).



Al-Ihsan

Oleh:

**YB S.S Prof. Madya Dr. Faudzinaim bin
Hj. Badarudin**
(Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan)

الإِحْسَانُ

Al-Ihsan berasal daripada perkataan Arab, *hasuna* yang bererti baik, bagus, cantik atau elok. Kalimah al-Ihsan adalah *masdar*, berasal dari kata kerja *ahsana* yang mengandungi makna berbuat baik, memperbaiki atau menjadikan sesuatu itu baik, membagus atau membaiki, menjadikan sesuatu itu lebih bermanfaat atau lebih indah.

Di dalam al-Quran, kalimah ini disebut sebanyak 211 kali dalam pelbagai bentuk kata dan berbagai makna seperti *hasuna* yang bermaksud sebaik-baiknya, *ahsana* yang bererti berbuat kebaikan, berbuat baiklah dan sebaik-baiknya, *yuhsinun* yang bererti 'berbuat sebaik-baiknya', *husn* yang bererti baik, *husnan* yang bermaksud kebaikan, *hasanah* yang bererti kebaikan, *hasanat* yang bermaksud kebajikan, *al-husna* yang bererti kebaikan, *ahsan* yang bererti lebih baik atau lebih indah, *muhsin*, *muhsinun* dan *muhsinin* yang bererti orang mengerjakan kebajikan, berbuat kebaikan atau berbuat baik.

Antara firman Allah yang berkaitan ialah:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ

وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا
فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan taulan, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membanggakan diri; (Al-Nisa: 36)

وَأَبْتَغِ فِيْمَا ءَاتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ
نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ
إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا
يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang

telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalannya) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan." (Al-Qasas: 77)

الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ
يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٢٤﴾

(Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan". (Al-Kahf: 104)

إِلَّا مَنْ ظَلَمَ ثُمَّ بَدَّلَ حُسْنًا بَعْدَ سُوءٍ فَإِنِّي
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١١﴾

"Tetapi sesiapa yang berbuat salah, kemudian ia mengubahnya dengan melakukan kebaikan sesudah berbuat salah, maka sesungguhnya Aku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Al-Naml: 11).



ذَٰلِكَ الَّذِي يُبَشِّرُ اللَّهَ عِبَادَهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا
وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ۖ قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ
أَجْرًا إِلَّا أَلَمُودَةً فِي الْقُرْبَىٰ ۖ وَمَن يَقْتَرِفْ حَسَنَةً
نَّزِدْ لَهُ فِيهَا حُسْنًا ۚ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٢٣﴾

(Limpah kurnia yang besar) itulah yang Allah gembirakan (dengannya): hamba-hambaNya yang beriman dan beramal soleh. Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah tentang ajaran Islam yang aku sampaikan itu, (yang aku minta) hanyalah kasih mesra (kamu terhadapku) disebabkan pertalian kerabat (yang menghubungkan daku dengan kamu supaya aku tidak disakiti)". Dan sesiapa yang mengerjakan sesuatu perkara yang baik, Kami tambahi kebaikan baginya (dengan menggandakan pahala) kebbaikannya itu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya). (Al-Shura: 23)

Dari Syaddad bin Aus radhiyallahu 'anhu, Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda,

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ فَإِذَا قَتَلْتُمْ
فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ وَلْيُحَدِّثْ
أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ وَلْيُخْرِجْ ذَبِيحَتَهُ

"Sesungguhnya Allah memerintahkan berbuat baik terhadap segala sesuatu. Jika kalian hendak membunuh, maka bunuhlah dengan cara yang baik. Jika kalian hendak menyembelih, maka sembelihlah dengan cara yang baik. Hendaklah kalian menajamkan pisaunya dan menenangkan sembelihannya." (HR. Muslim) [HR. Muslim, no. 1955, Bab "Perintah untuk berbuat baik ketika menyembelih dan membunuh dan perintah untuk menajamkan pisau"]



Ayat-ayat al-Quran dan hadis di atas menunjukkan bahawa penggunaan kalimah *hasuna* atau *ihsan* adalah terhadap perkara atau perbuatan zahir yang baik atau lebih baik. Dari sisi ini, al-ihsan memiliki pengertian zahir. Oleh itu, kalimah *muhsin* atau *muhsinun* di dalam al-Quran selalu diertikan sebagai orang yang melakukan kebaikan.

وَمَنْ يُسْلِمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدْ
 اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ وَإِلَى اللَّهِ عَاقِبَةُ
 الْأُمُورِ

Dan sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) yang teguh dan (ingatlah) kepada Allah jualah kesudahan segala urusan. (Luqman: 22)

Namun demikian, *al-ihsan* juga mengandungi satu makna lain yang lebih mendalam. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (no.8), diceritakan bahawa Nabi Muhammad SAW telah didatangi oleh Jibril AS dan bertanya kepada Baginda SAW empat perkara. Pada salah satu

pertanyaan tersebut, Baginda SAW ditanya mengenai *al-Ihsan*, lalu dijawab oleh Baginda SAW bahawa:

“**Ihsan itu ialah bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatNya. Sekiranya engkau tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Dia melihatmu.**”

Berdasarkan gambaran yang diberikan oleh Baginda SAW dalam hadis tersebut, *al-ihsan* merujuk kepada sisi batin atau jiwa seorang Muslim. Ia merupakan isyarat terhadap perasaan di dalam jiwa seorang Muslim yang berada pada kedudukan yang amat istimewa dalam hubungannya dengan Allah SWT, iaitu 'keadaan sentiasa bermusyadah kepada Allah' atau 'sentiasa merasa dirinya dilihat oleh Allah SWT'. Demikianlah gambaran keadaan jiwa seorang Muslim yang mempunyai *ihsan* di dalam jiwanya sehingga setiap gerak lakunya sentiasa dihubungkan dengan Allah SWT. Hal keadaan ini sering disebut oleh ulama tasawuf dengan istilah *musyadah* Allah dan *muraqabat* Allah. Bersandar kepada makna hadis ini, maka *al-ihsan* juga mempunyai pengertian yang mewakili sisi batinnya.

Nah!, di sini dapatlah difahami bahawa pengertian al-ihsan memiliki dua sisi makna; satu dari aspek zahir, dan kedua, dari aspek batin atau jiwa. Pengertian zahir selalunya menunjukkan kepada perbuatan baik atau kebaikan manakala pengertian batin pula mengisyaratkan kepada perasaan hati atau qalb seorang itu kepada Allah SWT.

Oleh itu, seorang Muslim yang memiliki ihsan di dalam dirinya, lengkaplah makna kebaikan pada diri tersebut. Dari satu sudut, beliau adalah orang yang dekat dengan Allah SWT, berada pada kedudukan tertinggi dan mulia. Dari sudut yang

lain pula, ia sentiasa kepada berbuat kebaikan dan kebajikan. Pemilik ihsan, yakni muhsin adalah lebih mulia darjatnya kerana daripada pemilik maqam iman atau mukmin dan maqam Islam atau muslim kerana kesempurnaan hubungan batin dengan Allah SWT dan muamalah zahirnya dengan makhluk seperti yang digambarkan melalui firman Allah SWT berikut;

لَيْسَ عَلَى الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
جُنَاحٌ فِيمَا طَعِمُوا إِذَا مَا اتَّقَوْا وَءَامَنُوا وَعَمِلُوا
الصَّالِحَاتِ ثُمَّ اتَّقَوْا وَءَامَنُوا ثُمَّ اتَّقَوْا
وَءَحْسَنُوا ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿٩٣﴾

"Tidak ada dosa bagi orang-orang yang beriman serta mengerjakan amal yang salih pada apa yang telah mereka makan dahulu, apabila mereka bertaqwa dan beriman serta mengerjakan amal yang salih, kemudian mereka tetap bertaqwa dan beriman, kemudian mereka tetap bertaqwa dan berbuat kebajikan; kerana Allah mengasihi orang-

orang yang berusaha memperbaiki amalannya." (Al-Ma'idah: 93).

Penjelasan ringkas di atas menunjukkan bahawa al-ihsan mempunyai sisi zahir dan batin pada diri yang memilikinya. Dua sisi makna itu tidak berpisah atau bertentangan. Sebaliknya, ia sebagai dua makna yang saling lengkap melengkapi. Yang batin menjadi asas kepada yang zahir. Perasaan hamba yang sentiasa 'melihat Allah' atau 'merasa sentiasa diperhati oleh Allah' menjadi asas kepada penghayatan sifat-sifat yang terpuji (mahmudah) hingga kemudiannya menjadi sumber kepada munculnya perlakuan atau perbuatan yang baik dan terbaik. Oleh itu, setiap Muslim perlu berusaha memiliki sifat ihsan ini supaya hubungan dirinya dengan Allah SWT menjadi 'erat' dan 'dekat' dengan-Nya seperti firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ ﴿١٢٨﴾

"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang bertakwa dan orang-orang yang berbuat kebaikan." (al-Nahl: 128).



Pengaruh Tarikat Tasawwuf

Disediakan Oleh:

Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf

- Penulis Penghubung & Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan
- Ahli Jilsah al Turuq al Sufiyyah Negeri Sembilan

Pada kurun ke-20 Masihi, tarikat tasawwuf mendepani banyak fungsi sosial dengan berperanan penting dalam mentarbiah umat, meningkatkan ekonomi, mendidik kehidupan bersosial dalam masyarakat, bahkan dalam menubuhkan sesebuah kerajaan. Semuanya itu dilakukan atas dasar-dasar yang dianjurkan oleh Islam dengan menggunakan pendekatan dakwah yang penuh hikmah. Sebagai contohnya dapat dilihat melalui peranan tarikat Bektashiyah yang mempunyai pengaruh dalam kalangan tentera Turki sehingga banyak menyelaraskan corak pentadbiran ketenteraan dalam membantu Kerajaan Usmaniah ketika itu.

Gerakan tarikat digeruni oleh banyak musuh Islam termasuklah tentera Salib, penakluk Mongol atau penjajah Barat yang menakluk negara-negara umat Islam. Ini kerana tokoh-tokoh yang menggerakkan fahaman jihad bagi mengusir kolonial dan penjajah sama ada di bumi Afrika, wilayah Caucasus-Chechen, Kashmir, Afghanistan, Bosnia, Albania, Filipina, Malaysia, Pakistan, India, Indonesia, Thailand, Palestin dan lain-lainnya ialah daripada mereka yang beraliran tarikat tasawwuf itu sendiri. Inilah yang ditakuti oleh musuh-musuh Islam hingga sekarang. Pejuang *mujahidin* di Afghanistan, kebanyakan mereka beraliran sufi berjaya mengalahkan tentera Rusia, walaupun diakui bahawa Rusia mempunyai keupayaan ketenteraan yang terkuat

di dunia, namun akhirnya tersungkur di tangan *mujahidin*.

Pengaruh tarikat tasawwuf juga tersebar dalam istana-istana kerajaan sebelum zaman pra kolonial dunia lagi apabila rajanya sendiri merupakan pengikut dan pengamal tarikat seperti Sultan Yamin al-Daulah Abu al-Qasim Mahmud Sebuktigin (1030-971 Masihi) yang memimpin Kerajaan Ghaznawi, Sultan Salah al-Din Yusuf al-Ayyubi (1193-1137 Masihi) yang memimpin Kerajaan Ayyubiah, Sultan Nuruddin Abu al-Qasim Mahmud 'Imad al-Din Zanki (1174-1118 Masihi) yang memimpin Kerajaan Zengi, Sultan Muhammad al-Fatih (1481-1432 Masihi) yang memimpin Kerajaan Usmaniah, Sultan Muhyi al-Din Muhammad Aurengzeb Bahadur Alamgir I (1707-1618 Masihi) yang memimpin Kerajaan Mughal dan banyak lagi.

Tokoh-tokoh pejuang yang mempertahankan tanah air masing-masing juga turut dalam kalangan mereka yang bertarikat seperti Amir 'Abd al-Qadir Muhyi al-Din al-Jazairi (pejuang di Algeria), Imam al-Syamil (pejuang di Dagestan), Omar al-Mukhtar Muhammad Farhat (pejuang di Libya), Usthman Dan Fodio (pejuang di Nigeria) dan lain-lain lagi.

Tokoh ulama besar sufi lain yang berjuang di tengah-tengah masyarakat terdiri daripada

Syeikh Ahmad Muhammad Ibrahim Bamba (ulama sufi di Nigeria), Syeikh Muhammad Badr al-Din al-Hasani al-Qadiri (ulama sufi di Syria), Badi' al-Zaman Sa'id Nursi al-Qadiri (ulama sufi di Turki), Izzuddin 'Abd al-Qadar Mustafa al-Qassam (ulama sufi di Syria), Muhammad Ahmad al-Hashimi al-Syazuli (ulama sufi di Syria), Syeikh Muhammad Yallis al-Syazuli (ulama sufi di Syria), Syeikh Ahmad Harun (ulama sufi di Syria), Syeikh Muhammad Abu Khair al-Maidani (ulama sufi di Syria), Syeikh Muhammad Abdul Latif Muhammad Saleh Farfur (ulama sufi di Syria), Maulana al-Imam Prof. Dr. Nur al-Din Ali Jumaah (ulama sufi Mesir) dan lain-lain lagi. Bekas Presiden Afghanistan juga mengikuti aliran tariqat seperti Sibghatullah Mujaddidi dan Prof. Dr. Burhanuddin Rabbani. Kedua-duanya daripada aliran Tariqat Naqsyabandiah.

Di Tanah Melayu, penyebaran awal Islam dilakukan oleh ulama sufi tempatan yang bertariqat seperti Sunan Kalijaga atau Raden Mas Syahid Raden Sahur Temenggung Wilatika, Hamzah Fansuri (1607-1560 Masihi) (Syeikh Tariqat Qadiriyyah), Syamsudin al-Sumaterai, Syeikh Nasiruddin al-Johori, Syeikh Nuruddin al-Raniri atau nama sebenarnya ialah Muhammad bin Ali bin Hassanji (Tariqat Rifa'iyyah), Syeikh Abdul Rauf Singkeli al-Syattari (1693-1615 Masihi), Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari dan Syeikh Yusuf Tajul Arus al-Makassari (-1629 1699 Masihi) (Tariqat Syattariyyah). Seterusnya diikuti oleh Syeikh Burhanuddin Ulakan (-1646 1691 Masihi) (Tariqat Syattariyyah), Syeikh Abdul Muhyi Pajimahan (17358-1660 Masihi) (Tariqat Syattariyyah), Tok Pulau Manis, Syeikh Jalaluddin al-Asyi, Tok Mengkarak Pahang, Tok Syihabuddin, Syeikh Abdul Rahman Pauh Bok, Syeikh Daud al-Fatani, Tok Pulai Chondong, Tok Ku Melaka, Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas, Tok Ku Tuan Besar, Tok Syeikh Pulau Duyung, Tok Ku Paloh atau Syeikh Abdul Malik (1736-1676 Masihi) (Tariqat Syattariyyah), Tuan Minal, Tok Syeikh Jarum, Tuan Tulis Talang Kuala Pilah dan ramai lagi yang berjasa dalam mengembangkan ilmu tariqat tasauwuf pada peringkat ini.

Pengaruh tariqat tasauwuf yang lain boleh dilihat daripada sudut penulisan kitab tasauwuf yang ditulis oleh tokoh-tokoh ulama Melayu itu sendiri. Sebagai contoh ialah kitab *Bahr al-Lahut* karangan Syeikh Abdullah Arif, *Syarb al-'Asyiqin* dan *Asrar al-'Arifin fi Bayan Ilm al-Suluk wa al-Tauhid*, *al-Muhtadi*, *Ruba'i* karangan Syeikh Hamzah al-Fansuri, *Mir'ah al-Haqiqah*, *Mir'ah al-Mukminin*, *Mir'ah al-Iman*, *Jawahir al-Haqa'iq*, *Tanbih al-Tullab fi Ma'rifah Malik al-Wahhab*, *Kitab al-Harakah*, *Nur al-Daqa'iq*, *Tanbih Allah*, *Syarh al-Ruba'i*, *Risalah al-Wihdah*, *Nur al-Haqa'iq*, *Zikr Da'irah Qab al-Qausayn*, *Risalah Bayna al-Mulahazah al-Muwahhidin 'ala al-Muhtada fi Zikr Allah*, *Risalah al-Wahhab*, *Syarh Mir'ah al-Qulub*, *Mir'ah al-Muhaqqiqin* karangan Syeikh Syamsudin al-Sumaterai.

Antara kitab yang lain ialah *Idah al-Bayan fi Tahqiq Masa'il al-A'yan*, *'Umdah al-Muhtajjin fi Suluk Maslak al-Mufarridin*, *Ta'bir al-Bayan*, *Daqa'iq al-Huruf*, *Mir'ah al-Tullab* dan *Sakrah al-Maut* karangan Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri, *Syarh Kitab al-Hikam* karangan Tok Pulau Manis, *al-Risalah al-Naqsyabandiyyah*, *Fath al-Rahman*, *Zubdah al-Asrar*, *Asrar al-Salah*, *Safinah al-Najah* dan *Tuhfah al-Labib* karangan Syeikh Yusuf Makasar, *Daqa'iq al-Asrar* karangan Syeikh Abu al-Fath Abu Yahya Abdul Basyar al-Dariri, *Siyar al-Salikin fi Tariqah al-Sadat al-Sufiyyah* dan *Hidayah al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin* karangan Syeikh Abd al-Samad al-Falimbani, *al-Dur al-Nafis fi Bayan Wihdah al-Af'al wa al-Asmak wa al-Sifat wa al-Zat* dan *Kanz al-Sa'adah fi Bayan Istilahat al-Sufiyyah* karangan Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, *Manhal al-Safi fi Bayan Rumuz Ahl al-Sufi*, *Kanz al-Minan*, *Minhaj al-'Abidin ila Jannah Rab al-'Alamin*, *Jam' al-Fawa'id Wa Jawahir al-Qala'id* dan *Tarjamah Bidayah al-Hidayah* karangan Syeikh Daud Abdullah al-Fathani, *al-Rahmah al-Habitah fi Zikr Ism al-Zat Wa al-Rabitah* karangan Syeikh Husain Ahmad al-Dusiri al-Basari al-Khalidi al-Syafi'i, *Bustan al-Salatin* dan *Hujaj al-Siddiq li Daf'i al-Zindiq* karangan Syeikh Nuruddin al-Raniri, *Ma'arij al-Lahfan li al-Taraqqi ila Haqa'iq al-'Irfan* karangan Tokku Paloh, *Lum'ah al-Aurad*



karangan Tok Wan Ali Kutan, *Jalal al-Qulub Bi Zikrillah* karangan Tuan Tabal dan banyak lagi.

Kitab ini kebanyakan menjadi teks pengajaran tariqat tasauwuf dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu selain kitab tulisan tokoh sufi terkenal dari Timur Tengah seperti *Sabil al-Muhtadin*, *Ihya' Ulum al-Din*, *Bidayah al-Hidayah* karangan Imam al-Ghazali, *Tanbih al-Ghafilin* karangan al-Samarqandi, *Kasyf al-Mahjub* karangan Ali al-Hujwiri, *Qut al-Qulub* karangan *Abu Talib al-Makki*, *Al-Ta'aruf* karangan al-Kalabatzi, *Hikam* karangan Ibn 'Atha'illah, *Risalah al-Qusyairiyyah* karangan Abu Qasim al-Qusyairi dan *Al-Luma'* karangan al-Kalabatsi dan lain-lain (Syafie 43-40 :1996).

Kewujudan pelbagai pondok pengajian yang mengajar ilmu pengajian Islam turut dibangunkan oleh tuan-tuan guru yang bertariqat di alam Melayu. Pondok pengajian mereka menjadi tempat para murid dan penduduk tempatan mengambil ilmu agama dan juga beribadah melalui bimbingan guru-guru mursyid mereka. Kadangkala rumah tuan guru dijadikan tempat untuk menadah ilmu dan kegiatan tariqat. Kebanyakan ulama Sufi Melayu mempunyai pondok pengajian sendiri yang dipanggil sebagai *zawiyah* Sufi kerana sebagaimana yang diperkatakan bahawa pada peringkat ini

pengaruh tariqat tasauwuf amat dominan kepada penduduk dan juga pembesar atau pemerintah di Tanah Melayu. Terdapat antara pihak pemerintah yang beramal dengan tariqat tertentu hasil didikan yang diperoleh daripada Pusat Pengajian Sufi yang didirikan oleh Sufi Melayu seperti *Pondok Tok Pulau Manis*, *Pondok Tokku Paloh*, *Pondok Bukit Bayas*, *Pondok Pauh Bok* dan sebagainya. Sebagai contoh, Sultan Zainal Abidin III (Sultan Terengganu) mengamalkan Tariqat Naqsyabandiyyah Mazhariyyah yang dipelajari daripada gurunya iaitu Tokku Paloh.

Penulisan tokoh tariqat tasauwuf Melayu menampakkan pemikiran yang tinggi melalui perbincangan tentang falsafah ketuhanan, kejadian alam, kedudukan insan, *fana'*, *baqa'* serta kajian adab dalam tariqat. Semua ini menuntut kepada perkembangan idea dan percambahan pemikiran yang segar dalam tradisi keilmuan yang telah dipelopori oleh sufi Melayu pada waktu itu. Antara kitab yang menjadi perbincangan hangat tentang pemikiran dan falsafah tasauwuf seperti kitab *Fusus al-Hikam*, *al-Futuh al-Makkiyyah* karangan Ibn al-Arabi, *Insan al-Kamil* karangan Abdul Karim al-Jili, *Tuhfat al-Mursalah Ila Ruh al-Nabi* karangan Syeikh Muhammad Fadhlullah al-Burhanfuri dan banyak lagi yang memerlukan daya pemikiran yang tinggi oleh pihak-pihak yang berautoriti dalam mengupas segala persoalan yang diutarakan oleh kitab ini.

Hasil kajian daripada tariqat tasauwuf membawa kepada penterjemahan kitab-kitab ini ke dalam bahasa Melayu. Penterjemahan dan pengolahan kitab asal oleh ahli Sufi tempatan menerbitkan idea yang tersendiri sehingga mereka mampu menulis kita tanpa terkeluar daripada skop perbincangan dan pemikiran kitab yang dijadikan rujukan itu. Maka, banyaklah kitab yang menjadi asas dalam pemikiran tariqat tasauwuf peringkat tinggi yang ditulis oleh ulama sufi Melayu seperti *Manhal al-Safi*, *al-Dur al-Nafis*, *Kasyf al-Asrar*, *Sayr al-Salikin*, *Hidayah al-Salikin*, *Hikam Tok Pulau Manis* yang kemudian menjadi pertembungan fikiran antara 'Tasauwuf Sunni' dengan 'Tasauwuf Falsafi'.

SILSILAH DAN KEPENTINGANNYA DALAM ILMU TARIQAT

Disediakan Oleh:

Abdul Manam bin Mohamad al-Merbawi

- UniSZA
- Ahli Jilsah al-Turuq al-Sufiyyah Negeri Sembilan

Silsilah merupakan satu perkara penting dalam ilmu tariqat. Ia bukan sahaja menjadi hujah atau bukti kebenaran sesuatu tariqat, tetapi juga menjadi saluran pengaliran keberkatan daripada syeikh kepada murid, yang dilihat penting oleh ulama tasauwuf dalam usaha menghayati tasauwuf secara lebih mendalam dan mencapai darjat-darjatnya.

Silsilah bermaksud rantaian perguruan yang bersambungan, menghubungkan para syeikh sehinggalah sampai ke hadrat Rasulullah SAW. Asas bagi persambungan silsilah ini ialah hubungan zahir dan batin antara seorang murid dengan gurunya. Hubungan zahir yang disebut suhbah, melibatkan beberapa perkara iaitu pengajaran khusus (*talqin*), pengajaran ilmu (*ta`lim*), didikan amalan dan adab (*tarbiyah*), bimbingan kerohanian (*irsyad*) dan juga keizinan menyampaikannya kepada orang lain. Manakala hubungan batin yang disebut rabitah, merangkumi ikatan perasaan kasih (*mahabbah*), hormat dan memuliakan (*ta`zim*) (al-Dahlawi, al-Qawl al-Jamil).

Oleh itu, seseorang yang mengambil talqin yang diperkukuhkan dengan ta`lim, tarbiyah dan irsyad daripada seseorang guru (syeikh), serta mempunyai hubungan batin (*rabitah*) dengannya,

maka dia dikatakan mempunyai hubungan silsilah dengan guru tersebut, namun ia hanya sekadar untuk dirinya sahaja. Tetapi sekiranya dia mendapat keizinan untuk menyampaikan dan mengajarkannya kepada orang lain, maka bererti dia telah memperolehi atau memiliki silsilah tersebut dan berautoriti untuk menyebarkannya kepada orang lain.

Persambungan silsilah ini dilihat penting oleh ulama tasauwuf kerana ia menjadi saluran pengaliran keberkatan daripada hadrat Rasulullah SAW kepada para murid menerusi silsilah para syeikh. Ulama tasauwuf mengambil pedomam dan pengajaran ini daripada hadis Nabi SAW :

عن أنس بن مالك رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: طُوبَى لِمَنْ رَأَى وَأَمَّنَ بِي، وَمَنْ رَأَى مِنْ رَأْيِي، وَمَنْ رَأَى مِنْ رَأَى مَنْ رَأَى مِنْ رَأْيِي

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Anas ibn Malik RA bahawa beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: Kebaikan, kemuliaan dan kebahagiaan bagi orang yang melihatku dan beriman kepadaku, dan bagi orang yang melihat orang*

yang melihatku, dan bagi orang yang melihat orang yang melihat orang yang melihatku. (Hadis ini diriwayatkan oleh al-Hakim (6994), al-Tabrani dalam al-Mu`jam al-Awsat (3:110:6106), al-Dhahabi dalam Mizan al-I`tidal (4:459), al-Haytami dalam Majma` al-Zawa'id (23:10)).

Orang-orang yang melihat Nabi SAW dan beriman kepada baginda ialah para sahabat RA, orang-orang yang melihat para sahabat pula ialah golongan tabi`in, manakala orang-orang yang melihat tabi`in pula ialah golongan atba` al-tabi`in.

Melihat dan beriman kepada Nabi SAW seperti yang disebut dalam hadis, menunjukkan kepada dua bentuk hubungan iaitu hubungan zahir dan hubungan batin. Hubungan zahir yang diungkapkan dengan ungkapan "melihat" tidak khusus kepada penglihatan sahaja, malah ia mengandungi pengertian yang lebih luas mencakupi apa sahaja yang dapat menghubungkan seseorang sahabat RA dengan Nabi SAW, sama ada menerusi penglihatan, pendengaran, percakapan, sentuhan dan sebagainya. Kerana itu, terdapat sahabat yang tidak dapat melihat

Nabi SAW kerana buta, tetapi dapat mendengar, bercakap dan bersentuhan dengan baginda, dan dia tetap dikira atau berstatus sahabat. Menerusi hubungan zahir inilah berlakunya proses *talqin*, *ta`lim*, *tarbiyah* dan *irsyad*.

Manakala hubungan batin pula yang diungkapkan dengan ungkapan "beriman" mengandungi pengertian tautan hati yang berasaskan kepercayaan, penerimaan, keyakinan, penghormatan, kecintaan, ingatan dan sebagainya. Hubungan batin yang berasaskan perkara-perkara inilah yang disebut *rabithah*. Demikianlah dua bentuk hubungan ini menjadi asas kepada rangkaian silsilah yang menghubungkan satu generasi ke generasi selanjutnya sehinggalah ke akhir zaman.

Perkataan "*tuba*" yang disebut dalam hadis Nabi SAW mengandungi pengertian kebaikan, keberkatan, kemuliaan, kebahagiaan, kenikmatan dan sebagainya. Ini dapat dilihat di mana para pentafsir menjelaskan bahawa perkataan "*tuba*" adalah bermaksud keadaan yang baik (*halah tayyibah*) dan tempat kembali yang baik (*marji` hasan*) (Lih. Tafsir al-Sa`diy). Ia juga bermaksud berbagai nikmat (*al-ni`am*), kesukaan dan keredaan yang sempurna serta berterusan (*al-ghibtah*), kegembiraan (*al-farah*), kebahagiaan (*qurrah al-`ayn*) dan kebaikan (*al-husna*) (Lih. Tafsir al-Tabari). Selain itu, ia juga bermaksud sejenis pohon dalam syurga (al-Suyuti, al-Jami` al-Saghir, 5294).

Ahli tasawuf juga mengambil pengajaran ini daripada pentalqinan yang Nabi SAW lakukan terhadap sekumpulan para sahabat RA.

عَنْ يَعْلَى بْنِ شَدَّادٍ، قَالَ: حَدَّثَنِي أَبِي شَدَّادُ بْنُ أَوْسٍ،
وَعُبَادَةُ بْنُ الصَّامِتِ، حَاضِرٌ يُصَدِّقُهُ قَالَ: كُنَّا عِنْدَ
النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "هَلْ فِيكُمْ غَرِيبٌ؟"
"يَعْنِي أَهْلَ الْكِتَابِ. فَقُلْنَا: لَا يَا رَسُولَ اللَّهِ. فَأَمَرَ



بَعْلَقِ الْبَابِ، وَقَالَ: " اَرْفَعُوا أَيْدِيَكُمْ، وَقُولُوا: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ " فَرَفَعْنَا أَيْدِيَنَا سَاعَةً، ثُمَّ وَضَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ، ثُمَّ قَالَ: " الْحَمْدُ لِلَّهِ، اللَّهُمَّ بَعَثْنِي بِهَذِهِ الْكَلِمَةِ، وَأَمَرْتَنِي بِهَا، وَوَعَدْتَنِي عَلَيْهَا الْجَنَّةَ، وَإِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ " ثُمَّ قَالَ: " أَبْشِرُوا، فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَدْ غَفَرَ لَكُمْ.



Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Ya`la bin Syaddad, beliau berkata; Bapa saya, Syaddad bin Aws meriwayatkan kepada saya, serta `Ubadah bin Samit hadir membenarkannya, dengan berkata; Kami berada di sisi Nabi SAW, lalu baginda bersabda; Adakah di antara kamu ini ada orang asing? Iaitu ahli kitab (Yahudi dan Nasrani). Lalu kami berkata; Tidak ada wahai Rasulullah. Lalu baginda menyuruh menutup pintu, seraya bersabda; Angkat tangan kamu dan ucapkan "La ilaha illallah". Lalu kami mengangkat tangan kami seketika, kemudian Rasulullah saw meletakkan tangan baginda, seraya bersabda; Alhamdulillah, wahai Tuhanku, Engkau mengutuskan aku dengan kalimah ini, dan Engkau memerintahkan aku dengannya, dan Engkau menjanjikan aku syurga atasnya, sesungguhnya Engkau tidak memungkirkan janji. Kemudian baginda bersabda; Bergembiralah, sesungguhnya Allah `azza wa jalla telah mengampunkan kamu. (Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad (al-Musnad,28:348)).*

Penelitian ulama tasauwuf terhadap hadis ini mendapati bahawa di sebalik pentalqinan yang dilakukan oleh Nabi SAW tersirat suatu rahsia, yang menurut mereka, ialah pengaliran keberkatan daripada kerohanian baginda SAW. Pentelqinan ini dilihat bukan bermaksud mengislamkan, kerana golongan yang ditalqinkan itu merupakan para sahabat yang sudahpun beriman. Ia juga bukan bertujuan mengajarkan apa yang tidak diketahui, kerana apa yang ditalqinkan oleh

baginda SAW merupakan kalimah tawhid yang sudahpun diketahui oleh para sahabat. Selain itu, ia dilakukan dalam suasana tertutup di mana Nabi SAW menyuruh supaya ditutup pintu setelah dipastikan tidak ada golongan tidak berkenaan menyusup masuk dalam kalangan para sahabat, dan ini menunjukkan pengkhususan (khususiyah).

Aktiviti pentalqinan ini kemudiannya diteruskan oleh para sahabat terhadap generasi tabi`in, dan golongan tabi`in pula melanjutkannya kepada generasi atba` al-tabi`in, dan demikianlah seterusnya amalan ini diwarisi oleh para syeikh di sepanjang zaman. Persambungan rantaian pentalqinan inilah yang membentuk silsilah dalam tariqat, dan ia dilihat penting kerana menjadi saluran pengaliran keberkatan daripada hadrat kenabian.

Keberkatan ini, menurut ulama tasauwuf, menjadi kunci dan syarat asasi dalam menghayati tasauwuf secara lebih mendalam dan mencapai darjat-darjatnya. Tanpa syarat ini, seseorang itu tidak dapat mencapai darjat-darjat tersebut, walaupun darjat permulaan (Mahmud, Qadiyyat al-Tasauwuf, 117). Walau bagaimanapun, ini adalah menurut hukum adat atau kebiasaan yang berlaku, namun tidak dinafikan bahawa terdapat golongan yang mencapai darjat-darjat



tasauwuf itu tanpa melalui silsilah serta rahsia keberkatannya. Mereka ini dinamakan majdhub dan kewujudan golongan ini tidak ramai. Oleh kerana perjalanan kerohanian tanpa silsilah ini, tidak selaras dengan persyaratan ulama tasauwuf, maka ia tidak boleh dijadikan panduan untuk orang lain, sekalipun wujud golongan yang mencapai darjat-darjat tasauwuf tanpanya. Maka kerana itu, orang yang menempuh perjalanan kerohanian tanpa melalui silsilah kerohanian yang benar, maka perjalanan kerohaniannya itu pada kebiasaannya akan terbantut dan tidak akan mencapai maksud. Demikian juga orang yang tidak mempunyai penisbahan silsilah kerohanian yang benar, tidak diperakukan sebagai pembimbing dalam perjalanan kerohanian, di mana dia tidak boleh membimbing kerohanian para murid dan tidak boleh dijadikan ikutan dalam perkara tersebut. Perkara ini telah dinyatakan oleh para ulama tasauwuf, antara mereka ialah Syeikh Abu al-Hasan al-Syadhili RA, di mana beliau menegaskan bahawa sesiapa yang tidak mempunyai silsilah para syeikh, maka dia terputus limpahan kerohanian dan dia tidak boleh dijadikan ikutan dalam perjalanan kerohanian (Ibn `Ajibah, al-Futuhat al-Ilahiyyah, 266). Perkara yang sama juga telah dinyatakan oleh Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi, di mana beliau menyatakan bahawa sesiapa yang tidak bersambungan silsilahnya

ke hadrah kenabian maka sesungguhnya dia terputus limpahan kerohanian dan dia tidak menjadi pewaris Rasulullah SAW (al-Kurdi, Tanwir al-Qulub, 500).

Prinsip bersilsilah dalam menempuh perjalanan kerohanian adalah sesuatu yang telah ditetapkan keperluannya oleh para ulama tasauwuf dan ia dikira sangat penting. Tanpa silsilah, perjalanan kerohanian seseorang sangat terdedah kepada gangguan perosak, terutamanya godaan syaitan, yang menjadi penyebab kepada penyimpangan, penyelewengan dan kesesatan. Perkara ini telah diingatkan oleh Syeikh Abu Yazid al-Bustami dengan menyatakan bahawa sesiapa yang tidak mempunyai pembimbing (ustaz) maka ikutan (imam)nya ialah syaitan (al-Qushayri, al-Risalah, 380).

Perjalanan kerohanian tanpa penisbahan silsilah yang benar akan merubah perjalanan tersebut menjadi kebatinan yang akan kelihatan kepincangan, kekeliruan dan penyimpangannya daripada landasan perjalanan tariqat yang benar, sedikit demi sedikit, tanpa disedari. Kepincangan silsilah yang merupakan aspek batin tariqat, akan membuahkan kepincangan pada aspek zahir yang terserlah pada sikap, percakapan dan juga perbuatan. Maka timbullah sikap sombong (takabbur), dan bangga diri (ujub), serta menghina, meremehkan dan memandang rendah

kepada orang lain, yang kerap kali kelihatan pada percakapan yang merupakan terjemahan bagi hati, tanpa disedari, serta diperkuatkan lagi dengan tindakan yang dilakukan. Timbullah juga kedengkian, permusuhan dan kebencian, yang kerap kali kelihatan riaknya pada percakapan dan perbuatan, yang tidak sepatutnya mengisi ruang qalbu orang-orang yang menempuh perjalanan kerohanian, kerana ia merupakan antara ibu sifat madhmumah. Timbullah juga kecenderungan dan keasyikan dengan sesuatu yang lain daripada apa yang dituju dalam perjalanan kerohanian, yang kerap kali kelihatan petandanya pada percakapan dan juga perbuatan. Kepincangan yang parah, boleh membawa kepada pelanggaran terhadap batasan syarak secara terang-terangan dan konsisten.

Penisbahan kepada silsilah kerohanian yang benar, adalah sebab yang membawa kepada keberhasilan dan kejayaan sesuatu perjalanan kerohanian, namun ia bukanlah penentu atau jaminan bagi keberhasilan tersebut. Kerana itu, terjadi juga

kepincangan dan penyelewengan dalam kalangan sesetengah mereka yang memenuhi persyaratan tersebut. Demikian juga golongan yang tidak bersilsilah dalam menghayati tasauwuf, tidaklah bererti mereka sudah menyeleweng dalam perjalanan tersebut, selagi mereka menjaga dan berada dalam batasan syarak, zahir dan batin. Cuma, berdasarkan pedoman dan pengalaman ahli tasauwuf, kebarangkalian terjebak dalam penyelewengan dan kesesatan adalah tinggi sekiranya menempuh perjalanan kerohanian tanpa silsilah.

Kesimpulannya, silsilah merupakan perkara penting dalam perjalanan kerohanian dan penisbahan kepada silsilah yang benar lagi bersambung, merupakan syarat asasi bagi mencapai kejayaan dalam perjalanan tersebut. Ketiadaan silsilah, akan membantutkan perjalanan kerohanian, menyebabkan ketidakberhasilan, dan membuka ruangan besar kepada penyimpangan dan penyelewengan.



Doa Menghadapi Kaum LGBT

رَبِّ أَنْصُرْنِي عَلَى الْقَوْمِ الْمُفْسِدِينَ

Yang bermaksud:
Wahai Tuhanku, tolonglah daku terhadap kaum yang melakukan kerosakan (menderhaka).

Hal ini berdasarkan firman Allah swt,

رَبِّ أَنْصُرْنِي عَلَى الْقَوْمِ الْمُفْسِدِينَ ﴿٣٠﴾

Yang bermaksud:
Nabi Lut berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, tolonglah daku terhadap kaum yang melakukan kerosakan (menderhaka)".1

(Surah Al-'Ankabut : 30)